



PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT *HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KETIGA *Third Parliament*

PENGGAL PARLIMEN KEDUA *Second Session*

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 2343]

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT [Ruangan 2385]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Duti Sewa Filem Wayang Gambar (Pindaan) [Ruangan 2385]

Rang Undang² Pelesenan Perniagaan, Profeshen dan Tred (Sarawak) (Pindaan) [Ruangan 2395]

Rang Undang² Achara Kewangan (Pindaan) [Ruangan 2400]

Rang Undang² Kumpulanwang Di-satukan (Perbelanjaan Masok Akaun) [Ruangan 2402]

Rang Undang² Piawaian (Pindaan) [Ruangan 2406]

Rang Undang² (Perbadanan) the Superior of the Institute of the Congregation of the Brothers of Mercy [Ruangan 2419]

Rang Undang² Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia [Ruangan 2425]

USUL²:

Waktu Meshuarat dan Urusan Yang di-Bebaskan daripada Peratoran Meshuarat [Ruangan 2384]

Uchapan² Penanggohan—

Latehan Bahasa Malaysia untuk jururawat² [Ruangan 2446]

Yayasan² Teknikal dan Vokeshenal—Memperbanyakkan [Ruangan 2449]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Selasa, 15hb Ogos, 1972

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATO' WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan dan Menteri Dengan Tugas-tugas Khas, TUAN SHARIFF BIN AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pengangkutan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, (Rembau-Tampin).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P., J.S.M. (Sungei Patani).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).

Yang Berhormat TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).

- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATO' KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATO' PETER LO SU YIN (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasar Mas Hilir).

Yang Berhormat DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN YEBOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGGU ZAID BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR :

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

„ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAJI HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ DATO' HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., Dato' Sri Paduka Raja (Kota Bharu Hulu).
- „ TAN SRI DATO' HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hilir).

YANG HADHIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

PEGAWAI² DAN KAKI-TANGAN² MENTERI TUGAS² KHAS

1. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) jumlah wang yang telah di-belanjakan oleh Menteri Tugas² Khas yang menjaga Kampong² Baru, bagi menjalankan tugas²-nya sa-bagai Menteri selama enam bulan yang pertama beliau memegang jawatan; dan
- (ii) jumlah kaki-tangan dan pegawai² yang di-untukkan kepada Menteri tersebut; beri nama jawatan, tugas dan gaji mereka.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) jumlah wang yang telah di-belanjakan oleh Menteri Tugas² Khas bagi menjalankan tugas²-nya sa-bagai sa-orang Menteri, bagi tempoh enam bulan yang pertama beliau memegang jawatan ia-lah \$60,496.00.
- (ii) Pegawai² dan kaki-tangan² yang di-untukkan kepada Menteri itu ia-lah sa-ramai 11 (sa-belas) orang, ia-itu:

Bil.	Jawatan	Gaji sekarang
1	Setiausaha Politik ...	\$1,500.00 sa-bulan
1	Pegawai Pentadbir (PTD Tingkatan VI) sa-bagai Setiausaha Bahagian	2,150.00 "
1	Pegawai Pentadbir (PTD Tingkatan IX) sa-bagai Penolong Setiausaha	750.00 "
1	Pegawai Perhubungan Akhbar	450.00 "
1	Setiausaha Sulit ...	1,050.00 "
1	Pembantu Khas ...	375.00 "
1	Kerani Tingkatan III ...	375.00 "
1	Jurutaip ...	170.00 "
1	Jurutrengkas ...	250.00 "
2	Budak Pejabat ...	(a) 135.00 "
		(b) 115.00 "

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Daripada angka² yang baharu di-beri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

bahawa dalam tempoh 6 bulan yang di-belanjakan oleh Menteri Tugas² Khas untuk menjaga kampong² baharu ia-lah \$60,000. Daripada angka itu gaji Menteri-nya pun dekat sa-paroh \$30,000 dan boleh nampak-lah bahawa Menteri Tugas² Khas tidak ada kuasa, tidak ada peruntukan kewangan untuk memberi kepada 400 kampong² baharu untuk membangun dan membena mereka mendapatkan kemajuan. Sungguh pun Menteri Tugas² Khas ada membuat lawatan sa-chara beramai² dan buat propaganda besar, bukan-kah tugas-nya ia-lah tidak ber-beza daripada sa-orang posman kepada Kabinet untuk menghantar kepada jabatan² atau Menteri² yang berkenaan mengenai masalaah², komplek² dari penduduk² kampong² baharu.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan-nya? Ini kenyataan sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Soal-nya ia-lah bukan-kah Menteri Tugas² Khas tidak mempunyai kuasa yang betul untuk memajukan kampong² baharu, tetapi baharu menjadi sa-orang posman Kabinet untuk forward komplek² daripada kampong² baharu? Itu tidak boleh mengubah taraf kehidupan penduduk² di-kampong baharu. Boleh-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menukar dan memberi kuasa untuk Kementerian itu untuk sa-benar-nya boleh meninggikan taraf kehidupan penduduk² di-kampong² baharu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya dukachita Ahli Yang Berhormat itu menggunakan perkataan "posman". Kalau dia ta' gunakan perkataan² chermat, saya tidak akan menjawab soalan²-nya pada masa yang akan datang. Tugas Menteri ini ia-lah bukan sa-mata² hendak menjaga hal² kampong baharu, tugas-nya ia-lah tugas yang khas dan dia boleh di-beri tugas daripada saya dari sa-masa ka-samasa. Pentadbiran Kampong Baharu ada-lah di-bawah jagaan Kerajaan Negeri dan bangunan² di-jalankan oleh Kementerian² yang lain yang bertanggung-jawab dalam lapangan pembangunan. Tugas-nya ada-lah sa-mata² menyelaraskan segala usaha² pembangunan dalam kampong² baharu. Dengan sebab itu tidak ada-lah per-untukan wang kepada-nya bagi menjalankan pembangunan bagi kampong baharu, sebab semua-nya itu ada-lah termasuk dalam Rancangan Malaysia Kedua dan di-bawah Kementerian² yang lain.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar di-dalam surat khabar bahawa tiap² ra'ayat di-seluruh tanah ayer kita kata-nya Menteri baharu ini tidak ada kuasa yang ketat. Kami dari parti Pembangkang minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi keterangan bagaimana dan apa satu rancangan yang tetap yang Kerajaan mahu membaiki kehidupan penduduk² di-kampong² baharu di-tanah ayer kita—rancangan yang tetap.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya dukachita ta' boleh hendak menjawab berkenaan dengan tanggung-jawab sa-saorang Menteri. Tanggong-jawab sa-saorang Menteri itu ada-lah bagi saya menentukan. Kerajaan kita mengamalkan amalan demokrasi ia-itu Kerajaan yang mempunyai collective responsibility. Jadi semua yang di-jalankan oleh Menteri² ada-lah tanggung-jawab sa-sabuaah Kerajaan. Kalau pehak Pembangkang ta' berpuas hati, dia boleh mengadakan motion of no confidence kepada sa-sabuaah Kerajaan. Dia ta' boleh soal jawab berkenaan dengan kedudukan sa-saorang Menteri ia-itu hak saya sa-bagai Perdana Menteri menentukan kerja²-nya dan kedudukan-nya.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang mustahak dan terutama penting bagi ra'ayat di-kampong² baharu ia-lah perkara tanah dan soal ini belum di-selesaikan, tetapi Menteri yang berkenaan selalu memberi penerangan dalam surat² khabar, radio dan talivishen mengatakan Kerajaan akan memberikan geran kepada tiap² tanah penduduk di-kampong² baharu, tetapi saya berani mengatakan tempat² macham kawasan Pendamaran, Port Klang tidak ada sa-orang pun ra'ayat yang mendapat geran tanah di-kampong² baharu. Boleh-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi penerangan di-Dewan ini bagaimana Kerajaan hendak memberi geran kepada tiap² ra'ayat yang duduk di-kampong² baharu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini ta' ada kena mengena dengan soal ini.

Tuan V. Veerappen: Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun Kerajaan sudah melantek satu Kementerian Khas ada-kah Menteri-nya diberi kuasa boleh memberi arahan kepada lain² Kementerian, atau pun arahan kepada Kerajaan Negeri atau pun Kerajaan

Tempatan untuk menjaga kampong² baharu ini khas-nya untuk mengadakan jalan, parit, kuasa letrik dan lain².

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat sa-bagai sa-orang lawyer patut tahu Perlembagaan. Sa-orang Menteri ta' ada hak hendak memberi perintah kepada Menteri yang lain. Yang ada hak ia-lah Perdana Menteri sahaja dan begitu juga Kerajaan Pusat ta' boleh memberi perintah kepada Kerajaan² Negeri dalam perkara² yang Kerajaan² Negeri berkuasa.

Tuan V. Veerappen: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Kerajaan mengambil tindakan untuk memberikan kepada kampong² baharu itu kemudahan² seperti jalan, letrik dan lain²?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan tadi ini semua tanggung-jawab Kementerian² yang berkenaan dan perkara² ini di-jalankan daripada satu masa ka-satu masa dan ini juga tanggung-jawab Kerajaan Negeri.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, sama ada di-aku² benar atau pun tidak khabar² yang di-berikan oleh Menteri Tugas² Khas ini yang mana tidak memberi banyak pertolongan kepada orang² kampong² baharu atau kampong² lama, tetapi menolong Kerajaan bagi mendapatkan penerangan² daripada kampong² baharu bagi menentang kominis, kerana itu pakar² psychological warfare Mr C. C. Too telah di-hubongi dan apabila perlantekan Dr Lim Keng Yaik sa-bagai Menteri bagi mengelolakan satu daripada kerja²-nya ia-itu psychological warfare, tugas² ini telah di-batalkan apabila saya mengkritik-nya di-akhbar, tetapi kenyataan ada menunjokkan, Tuan Yang di-Pertua, tujuan yang asal-nya ia-lah psychological warfare. Ada-kah ini betul, jika sa-kira-nya tidak, kenapa begitu sedikit sa-kali di-laksanakan kemajuan² untuk kampong² baharu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, tiada siapa yang mengatakan bahawa tugas Menteri ini ia-lah menjaga psychological warfare. Ia hanya menjadi sa-orang ahli dalam Jawatan-kuasa psychological warfare dan kedudukan-nya tidak menyentoh kedudukan Mr C. C. Too langsung. Saya ta' tahu di-mana-kah Ahli Yang Berhormat itu mendapat maklumat atas perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang: Saya hendak bertanya kepada Perdana Menteri, pada bulan April di-dalam satu ucapan Menteri Tugas² Khas ada memberi satu jaminan bahawa jika ia tidak dapat wang daripada Kabinet untuk membenakan dan memajukan kampung² baharu, dia akan resign daripada Kabinet. Ada-kah Yang Amat Berhormat akan minta dia resign atau dia sendiri akan resign kerana daripada angka² yang di-beri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tidak ada apa² peruntukan wang yang di-luluskan oleh Kabinet khas-nya untuk membangun dan memajukan kampung² baharu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak berchakap dengan saya sa-macam itu. Itu hanya-lah keterangan daripada surat khabar. Saya ta' tahu sama ada benar atau tidak.

Dr Chen Man Hin: Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ada-kah Menteri Tugas² Khas memberi satu laporan khas kepada Kabinet berkenaan lawatan atau komplek daripada penduduk² kampung baharu di-seluruh Malaysia Barat dan kalau ada laporan itu ada-kah Kabinet telah menimbang laporan itu dan ada-kah apa² tindakan terhadap-nya?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah katakan tadi, Menteri² Kabinet sentiasa mengadakan perundingan dan Menteri² berjumpa dengan saya daripada satu masa ka-satu masa. Segala masaalah² sentiasa di-timbangkan dan kalau ada soalan² akan di-atasi.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertanya bagaimana saya dapat petekan akhbar berkenaan hal² tadi yang telah saya sebutkan. Boleh-kah saya baca laporan dalam *Straits Times*, dated 23rd December, 1971 regarding the Cabinet Reshuffle. "The new Ministry under Dr Lim will co-ordinate all work with regard to new villages. The Ministry will also co-ordinate and initiate work during emergencies. It will also have the Psychological Warfare Department under its wing." That, Sir, is the news report in the *Straits Times* of 23rd December, 1971.

Saya hendak bertanya, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan ia-itu baharu² ini M.C.A. telah mengeluarkan kertas parti-nya yang bernama the *Guardian* yang mana meminta Kerajaan memberikan derma kepada Menteri Tugas² Khas mengena² Kampung² Baharu bagi melaksanakan projek² supaya dapat meninggikan lagi taraf kehidupan ra'ayat di-kampung² baharu. Ini ada-lah satu permintaan yang sangat menghairankan sa-bagaimana yang di-ketahui bahawa M.C.A. ada-lah rakan kepada Kerajaan Perikatan, ada-kah Kerajaan menyahut kepada permintaan M.C.A. itu, jika tidak, kenapa, Tuan Yang di-Pertua?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi peruntukan bagi pembangunan kampung² baharu dan kampung² lama di-seluruh Malaysia ada terkandung dalam Rancangan Malaysia Kedua dan ini di-bawah peruntukan estimate bagi Kementerian² dan juga Kerajaan Negeri. Jadi peruntukan sa-memang ada.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan sama ada Kementerian Tugas² Khas ada menyediakan satu master plan, satu blue print, pada umum-nya memajukan penduduk² sa-ramai 900,000 orang di-kampung² baharu dan jika ada bila blue print, atau master plan itu akan di-siapkan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan tanggung-jawab dia hendak menyediakan master plan itu.

Tuan Goh Hock Guan: Bagi mengelolakan penduduk² yang berjumlah 750,000 di-kampung² baharu yang mana telah di-chuaikan buat beberapa tahun yang lalu, kaki-tangan yang di-perlukan sa-kurang²-nya 100 orang pakar² ekonomi, perancang² bandar, jurutera², akitek², pentadbir² masyarakat dan pegawai² luar ada-lah di-perlukan untuk merancang dan membangunkan sa-mula kampung² baharu yang mana telah di-lupakan dan di-naikkan supaya menjadi ma'amor sa-mula. Boleh-kah Kerajaan menimbang bagaimana pembangunan luar bandar telah mengambil banyak kaki-tangan bagi melaksanakan rancangan² luar bandar dan projek² seperti FELDA dan menubuhkan lain² lembaga?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan lagi Soal Jawab. Ini perbahathan. Kalau hendak membahathan perkara ini, ada masa-nya, bila kita kemukakan estimet pada meshuarat yang akan datang ini, boleh-lah di-bahathkan atas hal ini. Ini masa Soal Jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit keterangan sahaja daripada jawapan tadi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai blue print atau master plan untuk penduduk di-Kampung² Baharu. Tadi Yang Amat Berhormat berkata bahawa menyediakan satu master plan atau blue print untuk memajukan 900,000 orang penduduk² di-Kampung² Baharu bukan tanggong-jawab Menteri Tugas² Khas. Saya ingin bertanya ia-itu berpuncha daripada jawapan itu, betul-kah bahawa Menteri Tugas² Khas tidak ada plan, tidak ada tindakan untuk menyediakan satu master plan atau satu blue print?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi tanggong-jawab berkenaan dengan pentadbiran Kampong Baharu ada-lah tanggong-jawab Kerajaan² Negeri dan Kementerian² yang berkenaan. Tanggong-jawab Menteri ini hanya-lah menyelaraskan segala usaha² bagi kemajuan Kampung² Baharu. Jadi bukan-lah tanggong-jawab dia untuk mengadakan master plan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Ada-kah termasuk dalam tugas Menteri Tugas² Khas untuk menyelaraskan kampung² lama yang memang ketinggalan juga jauh berbanding dengan Kampung² Baharu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, tidak. Kampung² lama ini di-bawah berbagai² Kementerian dan tanggong-jawab seluruh Kerajaan bagi menyelaraskan-nya.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Apa-kah benar bahawa nasib penduduk² Kampung Baharu ini lebih burok daripada nasib penduduk² di-luar bandar yang begitu menjadi heboh di-dalam Dewan ini?

Tuan Yang di-Pertua: Saya sendiri kurang faham apa soalan-nya.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, apa-kah benar nasib penduduk² di-Kampung Baharu ini lebih

burok daripada nasib penduduk² di-luar bandar yang begitu menjadi heboh di-dalam Dewan ini?

Perdana Menteri: Pihak Kerajaan tidak membuat heboh dalam perkara ini, chuma pihak Pembangkang yang membuat heboh. (Ketawa).

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Dengan jawapan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Kementerian Tugas² Khas untuk Kampung Baharu tidak ada wang, tidak ada kuasa dan tidak ada master plan, bukan tanggong-jawab-nya untuk menyediakan satu master plan. Bukan-kah ini sudah terang bahawa Kerajaan tidak ikhlas dan tidak jujur untuk menaikkan taraf kehidupan penduduk² di-Kampung² Baharu dan perlantikan sa-orang Menteri menjaga Kampung² Baharu ada-lah satu tindakan propaganda sahaja.

Perdana Menteri: Saya tidak faham, Tuan Yang di-Pertua, apa soalan-nya pun saya tidak tahu.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Jika Menteri Tugas² Khas tidak boleh memberi apa² faedah, atau tidak boleh Kementerian-nya mengambil langkah² untuk meningkatkan taraf kehidupan ra'ayat di-kampung² Baharu, boleh-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu penduduk² di-Kampung² Baharu ada-kah mereka boleh memandang untuk mendapat kemudahan² yang sesuai?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah terangkan tadi ia-itu tugas Menteri ini ia-lah to co-ordinate atau menyelaraskan usaha² dalam lapangan pembangunan bagi Kampung² Baharu. Tanggong-jawab-nya ia-lah tanggong-jawab Kerajaan² Negeri dan juga Menteri² yang lain; Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Menteri Pertanian, Menteri Perhubungan dan Menteri² yang lain. Ini-lah tugas yang sa-benar-nya. Jadi, Kampung Baharu ada-lah sa-rupa dengan kampung lama juga ada-lah di-bawah jagaan Kerajaan. Kita tidak ada beza di-antara semua kampung dan kita menjalankan ranchangan² pembangunan menurut kehendak² tempatan. Kalau tempat itu burok keadaan-nya, kita akan mengadakan pembangunan yang lebih luas dan lebih besar lagi. Jadi itu chara-nya.

Tuan Goh Hock Guan: Tujuan Kerajaan yang di-sebutkan oleh Perdana Menteri tadi, boleh-kah Kerajaan mengadakan dan melantek sa-orang Ahli Parlimen bagi jawatan Pengurus untuk mengelolakan Kampong² Baharu dan kampong lama, sa-bagaimana di-FELDA yang mana mempunyai Pengerusi yang bertugas penoh masa ia-itu Ahli Yang Berhormat dari Segamat Utara? Jika tidak, kenapa.

Tuan Yang di-Pertua: Saya kurang faham apa soalan-nya?

Tuan Goh Hock Guan: Soalan-nya, Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Kerajaan melantek sa-orang Pengurus menjaga Kampong² Baharu dan Kampong lama?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apa yang hendak di-uruskannya. Dalam sa-sabuah Negeri ini penoh dengan Kampong² Baharu dan Kampong² lama, ma'ana-nya kita hendak menguruskan semua sa-kali di-seluruh negara kita ini.

PENGUNDORAN TENTERA UDARA AUSTRALIA DI-BUTTERWORTH—RAMALAN

2. Tuan Peter Paul Dason minta Perdana Menteri menyatakan

- (a) sama ada Kerajaan Pusat dengan sendiri atau dengan Kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membuat kajian terhadap kemerosotan ekonomi sama ada dari segi mata pencharian atau pekerjaan ra'ayat² Malaysia yang bekerja di-Negeri Pulau Pinang jika Australia menarek diri dari Pengkalan Udara di-Butterworth; jika tidak, ada-kah Kerajaan akan menjalankan kajian tersebut dengan segera;
- (b) jumlah ra'ayat Malaysia yang di-beri pekerjaan, sechara langsung dan tidak langsung dengan ada-nya pehak Australia di-situ; dan
- (c) jumlah wang yang di-masokkan ka-dalam ekonomi Negeri Pulau Pinang dengan ada-nya ashkar² Australia di-negeri ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu hanyalah satu ramalan, kerana belum

ada apa² chadangan bagi pengundoran tentera udara Australia daripada Pengkalan Udara di-Butterworth itu.

Walau bagaimana pun, Kerajaan sentiasa memerhatikan perkembangan² yang mungkin berlaku yang boleh menimbulkan akibat² tidak baik terhadap mata pencharian ra'ayat Malaysia dan ekonomi pada 'am-nya. Rancangan² pembangunan dan perindustrian yang sedang di-jalankan oleh Kerajaan² Negeri di-bawah Rancangan Master Plan-nya ada-lah di-fikirkan dapat memajukan lagi perkembangan ekonomi Pulau Pinang, dan di-jangka boleh menampung apa² akibat dari pengundoran tentera udara Australia itu, jikalau perkara itu berlaku.

- (b) and (c) Tidak ada perangkaan yang lengkap mengenai bilangan ra'ayat Malaysia yang bekerja di-Pengkalan itu atau pun jumlah kemasokan wang ka-dalam ekonomi Pulau Pinang dengan ada-nya tentera udara Australia di-negeri itu.

Tuan Goh Hock Guan: Kita tidak mahu tentera Australia keluar yang mana mereka telah banyak menolong sama kita, tetapi bila-kah semua tentera² Australia di-jangka mengundorkan diri balek ka-Australia?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, soal ini belum timbul lagi saya kata, tidak ada ura² atas perkara ini.

Tuan Goh Hock Guan: Parti Buroh Australia telah menyatakan bahawa semua tentera² Australia akan di-undorkan daripada Butterworth dan Singapura jika ia-nya menang dalam pilihanraya yang akan datang, ada-kah Kerajaan mengambil berat tentang selogan pilihanraya ini? Jika ia, apa-kah ranchangan² yang akan kita buat?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Parti Buroh Australia belum lagi menang dalam pilihanraya. Kita hanya-lah mengadakan perhubungan dengan Kerajaan Australia yang ada sekarang. Saya sudah terangkan tadi, kita sedia menghadapi apa juga kemungkinan yang akan berlaku di-atas hal ini.

Tuan Goh Hock Guan: Berapa banyak-kah tentera² Australia, Tentera Udara dan keluarga² mereka di-Pulau Pinang dan lain² tempat di-Malaysia pada masa sekarang? Saya bertanya atas soalan ini ia-lah supaya negara memberi pandangan kepada jumlah wang yang kita dapati daripada perbelanjaan tentera² Australia di-Pulau Pinang.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, anggota² Tentera Udara Australia di-Butterworth ada-lah lebih kurang 2,000 orang ramai-nya.

TANGKAPAN IKAN DI-PERAYERAN WILAYAH THAI

3. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Luar Negeri menyatakan apa-kah kamajuan yang telah di-chapai mengenai perjanjian di-antara Negeri Thai dengan Malaysia berkenaan dengan tangkapan ikan haram di-wilayah perayeran masing² dan ikhtiar bersama untuk mengawal lanun.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sebarang perjanjian yang tegas antara Malaysia dengan negeri Thai bagi menchegeh penangkapan ikan secharam haram dalam wilayah perayeran² masing². Tetapi satu peratoran bagi tidak menggalakkan nelayan² dari salah satu negara daripada menangkap ikan di-wilayah perayeran negara yang lain telah terchapai dalam perjumpaan Malaysia/Thailand baharu² ini atas masalah perikanan.

Di-bawah peratoran ini Jawatan-kuasa² tempatan telah di-tubuhkan di-kawasan sempadan bagi menyelesaikan sebarang pertikaian perikanan yang mungkin timbul. Persetujuan telah di-chapai antara Malaysia dan Negeri Thai mengenai had sempadan perayeran kita di-Pantai Barat, Malaysia Barat. Di-meshuarat yang akan datang dengan negeri Thai mengenai "Delimitation of Territorial Waters and Continental Shelf, kita berharap persetujuan bersama akan dapat di-chapai mengenai Pantai Timor (Malaysia Barat) juga.

Mengenai usaha menchegeh lanun² usaha² ka-araf ini telah di-ambil dengan mengadakan rondaan bersama seperti mana di-persetujui oleh Jawatan-kuasa (General Border Committee) di-antara kedua negara.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah kita bertanya Perdana Menteri, apa yang telah Kerajaan laksanakan bagi menolong nelayan² kita bagi mengetahui apabila mereka telah berada di-luar perayeran kita, ada-kah ada land mark, water mark di-buat di-perayeran sana?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan yang lain. Tentu-lah tidak ada water mark, atau land mark, tetapi mereka itu patut tahu lebih kurang mana sempadannya sebab perkara itu sudah di-tentukan.

MEMORANDA² BANTAHAN MENGENAI AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

4. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah memeronda² bantahan yang telah di-terima oleh Kementerian beliau berkenaan dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, sa-belum dan sa-lepas ia-nya menjadi undang².

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, chuma satu sahaja.

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walau bagaimana pun satu sahaja memorandum bantahan telah di-terima oleh Kementerian, ada-kah Kementerian menimbangkan dengan telitinya membatalkan Akta ini, kerana Akta ini bukan sahaja daripada pandangan pelajar² di-universiti dan maktab² di-negeri kita ini sahaja tetapi juga pun daripada pandangan umum ia-lah satu Akta yang telah melemahkan, atau mahasiswa² di-negara ini, kerana mahasiswa² sa-benar-nya telah menjadi merosakkan semangat/murid² sekolah sahaja dan universiti² dan maktab² telah menjadi maha sekolah sahaja.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham maksud Ahli Yang Berhormat itu mengenai Akta ini seluroh-nya di-batalkan. Jika Akta ini di-batalkan apa hendak jadi universiti, macham mana pendirian universiti kita, yang perbatalan itu atas masalah apa ada-kah semua Akta itu di-batalkan?

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah oleh kerana Menteri Pelajaran telah menjawab tadi, ada-kah Kementerian Pelajaran sedar di-dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti kita, mereka membantah tentang Sekshen 15 khas-nya dan dalam Jadual Sekshen 47 tentang Constitution Persatuan² Mahasiswa², boleh-kah Menteri Pelajaran menimbangkan bantahan² mahasiswa² untuk mengubahkan sekshen tersebut?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, bagi pehak Kerajaan ada-lah menimbangkan bantahan² yang di-kemukakan oleh mahasiswa² itu bagaimana telah di-terangkan oleh Kerajaan ia-itu Kerajaan belum-lah dapat menimbangkan pembetulan atau pun perbekalan amendment kepada peruntokan² yang ada di-dalam Akta itu.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Kerajaan menimbangkan sa-mula obnoxious Act yang mana ia-nya menghalang kebebasan universiti—hak kebebasan ucapan dan pertubuhan

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak bertanya dari mana datang-nya obnoxious Act itu, fikiran sendiri? Kalau fikiran sendiri tidak payah di-bawa ka-sini!

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya ada mengambil bahagian dalam forum di-universiti dan di-mana penuntut² di-universiti telah membantah kuat sa-kali oleh kerana Akta Universiti ini telah menghalang kebebasan berucap dan pertubuhan penuntut² di-universiti sana dan oleh sebab itu, saya hendak bertanya kepada Menteri Pelajaran, boleh-kah dia menarek balek obnoxious Act ini?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, mengenai bantahan² atas sa-suatu Akta itu ia-lah benda kebiasaan. Parti² Pembangkang banyak membantah Akta di-sini meminta Kerajaan meminda dan di-gubalkan, banyak Akta yang di-fikir oleh ahli² yang demikian tidak sesuai. Itu adalah fahaman masing². Bagaimana pandangan dan pendirian Kerajaan ia-itu Akta ini ia-lah satu Akta yang memberi faedah dan kebaikan kepada perdirian universiti² kita, itu fahaman sa-saorang itu dan begitu juga fahaman mahasiswa dan fahaman Kerajaan ada-lah berlainan.

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri bagaimana di-bawah Akta ini Sekshen 26 yang berkata mengharamkan pelajaran² dan organisasi² seperti pelajar² kita: doing anything which can be construed as expressing support, sympathy or opposition kepada tiap² organisasi politik atau trade unions, bagaimana ini boleh memberi faedah kepada satu² masyarakat kita yang menuntut demokratik dan open.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Chara memberi faedah ini juga ia-lah fahaman masing². Kalau kita menengokkan kejadian² yang telah berlaku di-universiti² kita terutama sa-kali tentang masaalah² racial yang telah berlaku dalam beberapa tahun ini dan ini-lah sebab-nya di-fikirkan peruntokan itu mustahak di-adakan sama ada Ahli Yang Berhormat itu bersetuju, atau pun mahasiswa tidak bersetuju ia-lah dia terhad mengadakan fahaman masing². Bagi Kerajaan seperti mana yang saya terangkan sa-tidak²-nya pun pada masa ini peruntokan itu amat-lah mustahak bagi kesatibalan dan ketenteraman di-universiti² kita.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri Pelajaran, ada-kah Menteri sedar atau tidak, oleh sebab Akta² universiti ini telah di-luluskan; the spirit of free enquiry and the spirit of fearless enquiry in the University, an independent spirit, the search for truth, semangat ini telah menghalang dan telah menghancurkan di-Pusat Pelajaran di-Universiti Malaya.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

PASPOT MASOK KA-MALAYSIA

5. Tuan Joseph Valentine Cotter minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan mengarahkan supaya semua paspot² Yang Berhormat Ahli² Parlimen dari Sarawak dan Sabah tidak payah di-chap di-tempat pemereksaan Imigresen di-Lapangan Terbang.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, kehendak untuk mengechap di-dalam paspot sa-saorang yang hendak masuk ka-Malaysia Barat ada-lah termaktub

di-dalam Sekshen 2 (1) dan 2 (4) Akta Pasport No. 21/1966. Akta ini telah diluluskan oleh Dewan ini pada tahun 1966. Oleh yang demikian, saya tidak dapat memenohi chadangan Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kementerian ini sedang berchadang hendak menghapuskan sistem Pasport Antarabangsa di-antara ra'ayat Malaysia Timor dengan Malaysia Barat? Kalau ada chadangan, bila-kah hendak di-buat?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak ada chadangan dan itu ada-lah mengikut Perlembagaan yang ada sekarang.

MAJALLAH² ROMANTIKA, MANJA DAN RUMAJA—PENGEDARAN

6. Tuan Hashim bin Gera minta kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan mengharamkan pengedaran majallah² keluaran tempatan seperti majallah² "Romantika", "Manja" dan "Rumaja" kerana merosakkan akhlak ra'ayat negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hashim bin Gera.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak payah di-jawab lagi. Sudah di-terima jawapan-nya dalam persidangan Dewan Ra'ayat minggu yang lalu. (Ketawa).

PELABOHAN KUANTAN—KAJIAN KEMUNGKINAN MEMBENA

7. Dr S. Seevaratnam minta Menteri Perhubungan menyatakan bila-kah Pelabohan Kuantan akan siap, dan sama ada beliau boleh memberi laporan mengenai kemajuan pembenaan-nya.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, kajian kemungkinan membena pelabohan Kuantan telah pun siap dan Kerajaan sedang menanti laporan daripada Sharikat Juru Perunding. Laporan ini di-jangka akan di-terima dalam bulan

Oktober. Oleh yang demikian keterangan yang di-minta berkenaan dengan kemajuan pembenaan-nya belum-lah berbangkit lagi.

ANGGOTA ANGKATAN BERSENJATA MALAYSIA TIMOR—PELUANG PEKERJAAN

8. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) bilangan orang dari Sarawak yang telah di-bubarkan dari Angkatan Bersenjata; dan
- (b) langkah² yang sedang di-ambil bagi menentukan bahawa orang² ini di-beri peluang dan bantuan untuk mendapatkan kerja² baru.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sa-hingga sekarang bilangan orang Malaysia Timor dari Sarawak yang telah tamat perkhidmatan daripada Angkatan Tentera ada-lah sa-ramai 77 orang, kesemua-nya terdiri daripada 3 orang pegawai dan 74 lain² pangkat.
- (b) Semua anggota² Angkatan Tentera ada-lah di-beri peluang sa-belum mereka menamatkan perkhidmatan mereka untuk menjalani latehan peralehan di-dalam satu bidang kemahiran pilihan mereka sendiri bagi membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan yang berfaedah sa-lepas mereka berhenti. Bekas² anggota Angkatan tentera walau dari mana asal mereka ada-lah mendapat layanan yang sama dalam ranchangan² tanah, peluang² pekerjaan dan dalam lain² projek yang di-jalankan oleh Kerajaan.

NILAI IMPOT BARANG² MALAYSIA BARAT KA-SARAWAK

9. Tuan Joseph Valentine Cotter minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan nilai impot segala jenis barang² dari Malaysia Barat ka-Sarawak bagi tahun² 1963 hingga 1971.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di-Pertua, nilai impot kesemua jenis barang²

oleh Sarawak dari Malaysia Barat bagi tahun² 1963 hingga 1971 ada-lah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Nilai c.i.f. (\$)</i>
1963	4.8 juta
1964	8.6 juta
1965	11.7 juta
1966	35.1 juta
1967	45.9 juta
1968	59.5 juta
1969	93.4 juta
1970	112.6 juta
1971	125.5 juta

Dengan angka yang di-berikan di-atas ada-lah di-dapati bahawa impot kesemua jenis barang² oleh Sarawak dari Malaysia Barat ada-lah sentiasa bertambah. Butir² lanjut berkenaan dengan impot Sarawak dari Malaysia Barat boleh di-dapati daripada buku "Perangkaan Perdagangan Luar Sarawak" yang di-terbitkan oleh Jabatan Perangkaan Sarawak.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenapa-kah Tengku Razaleigh berkata yang rombongan-nya yang lalu ka-negeri China itu, yang perjanjian perdagangan Malaysia dengan China di-kaji sa-mula? Apa-kah ini di-sebabkan yang negeri China tidak dapat menjualkan barang² dagangan-nya yang mana Malaysia menghendaki? Ada-kah ini di-sebabkan orang China tidak begitu suka berdagang dengan PERNAS, yang mana mahu membolot kesemua perdagangan negeri China itu?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini jauh-nya macham langit dengan bumi.

Tuan Yang di-Pertua: Ini berkehendakkan notis, baharu boleh menjawab-nya!

KERJA BERGILIR² DI-KILANG²— MENGUBAH AMALAN

10. Tuan V. Veerappen minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan sama ada Kerajaan akan mengambil langkah² untuk mengubah amalan² kerja bergilir² yang di-bahagikan, di-kilang² dan indastri², di-

mana pekerja² terpaksa bekerja 4 jam sa-kali gus dan kemudian 4 jam lagi dengan masa rehat 4 atau 8 jam di-antara-nya.

Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tuan Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, jumlah kesemua masa bekerja (spread-over) sa-bagaimana yang di-nyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada-lah bukan amalan biasa. Sa-tengah² jumlah kesemua masa kerja ada-lah perlu kerana keadaan kerja atau perniagaan yang berkenaan itu. Saya sedar tentang kesusahan yang timbul di-mana jumlah kesemua masa bekerja yang tidak patut, di-amalkan. Saya sedang mengkaji undang² itu bagi menentukan sama ada kawalan mengenai perkara ini dan sa-barang sekatan² yang perlu.

Tuan Valentine Cotter: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberi keterangan atau reasons berkenaan dengan orang² yang bekerja dengan Jabatan Kerja Raya di-Kuching. Baharu² ini ada satu projek membena jalanraya di-daerah Bau. Pada satu hari pekerja² itu jatuh sakit sa-lama dua hari. Kemudian dia berjumpa dengan doktor dan dia di-dapati sakit dan di-beri sick leave oleh doktor. Sunggoh pun dia dapat keterangan dari doktor itu, tetapi langsung dia tidak dapat gaji sa-lama dia jatuh sakit itu. Jadi, saya pun ada bertanya kepada pegawai² yang berkenaan. Jadi, jawapan-nya dia pun tidak tahu di-atas perkara ini. Oleh yang demikian saya berharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyiasat perkara ini dan di-ambil tindakan segera.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu tidak ada kena mengena dengan soalan ini dan perkara itu kena-lah Ahli Yang Berhormat berhubung atau melaporkan kepada kita dan kita akan siasat.

Tuan V. Veerappen: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sunggoh pun perkara ini berlaku di-tengah² kilang dan tempat perusahaan, ada-kah Kementerian sedar ia-itu pekerja² kena bangun pada waktu tengah malam dan tidak ada pengangkutan untuk pergi ka-kilang dan bekerja di-sana dan sa-tengah pekerja² kena balek tengah malam dari kilang itu. Kalau begitu,

boleh-kah Kerajaan membawa pindaan atas Undang² Pekerja seperti jururawat² dan lain² pekerja yang dapat bekerja terus lapan jam?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab soalan itu ia-itu saya telah nyatakan perkara seperti itu ada-lah bukan amalan biasa. Ada sa-tengah² perusahaan yang mana pekerja²-nya terpaksa mengadakan spread over. Bagaimana pun Kementerian saya sedang mengkaji Undang² yang ada sekarang supaya membaiki keadaan-nya, jika perlu.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan, bila-kah Kementerian-nya akan mengkaji atas perkara ini dan bila-kah Kementerian-nya akan mengambil tindakan untuk menghapuskan keadaan ini?

Tuan Lee San Choon: Saya telah nyatakan bahawa Kementerian saya sedang mengkaji—sekarang sedang di-kaji, jikalau di-fikirkan perlu, kita akan mengubah Undang² yang ada sekarang ini.

Tuan V. Veerappen: Soalan tambahan. Tadi Menteri telah menjawab ia-itu ada juga sa-tengah² perusahaan ada memechah²kan pekerja²-nya, jadi boleh-kah Menteri itu memberi tahu Dewan ini apa-kah perusahaan yang terpaksa pekerja²-nya mesti bekerja empat jam, kemudian balek ka-rumah dan balek bekerja empat jam lagi, di-mana-kah perusahaan itu? Tidak-kah boleh pekerja itu bekerja lapan jam terus?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, mithalan-nya pekerja bas sekolah, apabila pembantu² bus sekolah menghantar murid² sekolah dia terpaksa-lah dia berhenti dan menunggu masa murid² itu balek. Mithalan yang lain pula, pekerja² dalam perusahaan restoran terpaksa bekerja apabila Ahli Yang Berhormat itu pergi makan, tetapi dia tidak pergi makan pukul 3.00 atau pukul 11.00. Perusahaan seperti itu-lah terpaksa bekerja di-adakan spread over.

Tuan V. Veerappen: Soalan tambahan. Ada-kah sekolah² dalam negeri kita ini di-adakan di-tengah malam? (*Ketawa*). Dan kedua-nya, tidak-kah boleh restoran atau tempat² makan itu—pekerja²-nya itu bekerja dalam masa 8 jam?

Tuan Lee San Choon: Ahli Yang Berhormat itu hendak mithalan-nya, saya telah berikan tadi (*Ketawa*).

PENGANGGORAN DI-PULAU PINANG—ANGKA

11. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan:

- (a) sama ada benar bahawa terdapat lebih kurang 50,000 orang yang tidak mempunyai pekerjaan di-Negeri Pulau Pinang, dan menyatakan sebab² terdapat angka penganggoran yang tinggi ini; dan
- (b) apa-kah langkah² yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk meredakan keadaan penganggoran di-negeri ini.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) mengikut pendaftaran yang ada di-Perkhidmatan Pekerjaan ada 23,876 orang penchari² kerja berdaftar di-akhir bulan Jun 1972 di-Negeri Pulau Pinang, dan ada-lah di-perchayai bahawa mereka itu ada-lah orang² yang benar² menchari pekerjaan. Dengan ketiadaan sa-suatu banchian penganggoran bagi sa-suatu negeri, maka kita terpaksa berpandukan kepada bilangan penchari² kerja yang berdaftar dengan Perkhidmatan Pekerjaan.
- (b) sekarang ini beberapa ranchangan pembangunan di-kawasan² perindustrian di-Mak Mandin, Prai dan Bayan Lepas telah di-lancarkan untuk mengadakan banyak lagi peluang² pekerjaan kepada penduduk² di-negeri itu.

FELDA—MEMBAYAR BALEK HUTANG

12. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa peneroka² di-FELDA berasa bimbang kerana mereka tidak tahu bila baru mereka dapat memiliki tanah mereka, kerana masa pembayaran balek kepada Kerajaan oleh peneroka² tidak di-tentukan tempoh-nya dan apa-kah langkah² yang telah di-ambil oleh Kementerian beliau supaya peneroka² ini dapat memilik tanah mereka dalam tempoh yang di-tetapkan.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, Peserta² Ranchangan Tanah FELDA telah bersetuju membayar sa-mula hutang² mereka itu dalam tempoh 15 tahun.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kawan saya telah melawat Ranchangan FELDA dan di-dapati ada banyak peneroka atau peserta² bertanya ia-itu mereka tidak menerima kad atau rekod berkenaan dengan bayaran ansoran² bulanan, dan mereka sangat bimbang atas hal ini.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Rekod² berkenaan dengan pembayaran hutang adalah di-berikan kepada peserta ranchangan tanah apabila telah dapat di-siapkan oleh Ibu Pejabat FELDA dari satu masa ka-satu masa.

MEMPERBAGAIKAN TANAMAN— PENEROKA² FELDA

13. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada Kementerian beliau berchadang memberi tanah² khas kepada peneroka² FELDA bagi mempelbagaikan tanaman, memandangkan kejatohan harga getah.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, Peserta² Ranchangan Tanah FELDA boleh berchuchok tanam dalam kawasan perumahan yang telah di-beri kepada mereka itu, tetapi tidak tanah yang di-luar daripada kawasan yang telah di-tetapkan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kementerian ini sedia mengusahakan bagi memberikan tanah kepada peserta² Ranchangan Tanah L.K.T.P. kawasan sawah dalam tempat itu supaya menambahkan mata pencharian hidup mereka?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, boleh.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada beberapa tempat di-Ranchangan FELDA sungguh pun dia dapat dua atau tiga ekar tanah untuk bertanam sendiri, tetapi ada banyak kompelen sebab tanah itu tidak berapa baik dan dia tidak

dapat nasehat daripada pegawai² FELDA, maka dengan sebab itu tanah di-dalam kawasan-nya itu tidak ada memberi faedah kepada peserta² FELDA.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, tanah² yang asal-nya di-untukkan kerana dusun, jika di-dapati tidak layak akan di-tanam dengan tanaman lain seperti getah di-kawasan getah, atau kelapa sawit di-kawasan kelapa sawit.

TANAH SIMPANAN MELAYU— KEPUTUSAN JEMA'AH MENTERI

14. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan mengapa-kah masalah gadai tanah lenyap begitu sahaja, sama ada apa² keputusan telah di-buat dan jika sudah apa-kah keputusan-nya dan apa-kah peratoran Kerajaan mengenai perkara ini.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, mereka yang telah tergadai tanahnya termasuk-lah Ahli Yang Berhormat, jika ada, boleh-lah mengadu kepada Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Negara.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama sa-kali saya tidak ada gadai tanah. Yang saya hendak bertanya sa-hingga ini berapa banyak-kah atau pun kalau tidak boleh terangkan angka sahaja yang menunjukkan bahawa dalam penggadaian tanah ini telah di-pulangkan balek pada tuan asal-nya yang telah di-ambil perhatian; atau perjalanan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada rekod menunjukkan berapa banyak tanah yang telah tergadai, kerana mereka itu boleh menggadaikan dengan tidak pengetahuan Kerajaan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Oleh kerana di-dapati rayuan² daripada orang ramai yang terlibat dengan hal yang tersebut di-Perak dan sabagai-nya, maka apa-kah perjalanan yang telah di-ambil bagi membolehkan tanah yang di-gadaikan itu di-pulangkan balek kepada tuan-nya?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya telah beri tahu mula² tadi mereka itu boleh mengadu kepada Lembaga Penyatuan dan Pemuliharaan Tanah Negara, maka Lembaga ini akan menolong sa-telah di-siasat, jika patut di-bantu akan di-bantu dengan pertolongan guaman-bela dan juga pinjaman wang daripada Bank Pertanian.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Boleh-kah Menteri yang berkenaan memberi tahu sa-hingga ini adakah tidak orang yang membuat pengaduan kepada Jabatan yang tersebut?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soal lain.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberi tahu tentang kejayaan²nya?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Perkara ini tidak ada berjaya, kerana dia sudah gadai tanah-nya, dia tebus balek, maka ini tidak ada-lah merupakan kejayaan pun.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya kejayaan itu sa-kira-nya tanah yang di-gadai apakala balek ka-tuan asal-nya, itu berjaya-lah maksud saya. Jadi boleh-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberi tahu kemajuan dalam hal ini?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Kemajuan-nya apabila di-laporkan kepada Lembaga ini, Lembaga ini siasat. Itu-lah kemajuan yang ada di-buat. Jikalau Ahli Yang Berhormat itu hendak tahu berapa banyak, itu ada-lah soalan yang lain.

GETAH UNTUK PEMBENAAN JALAN RAYA—PENYELIDEKAN

15. Tuan Luhut Wan minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan sa-takat mana-kah berjaya-nya penyelidekan di-buat bagi menggunakan getah untuk pembenaan jalanraya di-Malaysia dan bila-kah jalanraya yang pertama yang memakai getah akan di-bena dan di-mana.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, menurut perchubaan² yang telah di-jalankan oleh J.K.R. semenjak beberapa tahun yang lalu, maka telah di-dapati bahan getah boleh di-gunakan sa-banyak 2 sa-hingga 2½% sahaja di-dalam champoran untok muka jalan. Bahan champoran ini telah pun di-gunakan semenjak beberapa tahun untok pembenaan jalan² raya dan membaharukan muka² jalan di-kawasan² yang telah di-lengkapkan dengan alat² yang boleh menggunakan bahan itu.

Walau bagaimana pun usaha² sedang dan akan di-jalankan untok melebehhkan lagi penggunaan bahan getah ini dan lagi maksud ini beberapa perchubaan² telah di-jalankan di-beberapa kawasan² di-seluruh negeri. Hasil daripada perchubaan² ini sedang di-kaji dan akan memakan masa sa-belum keputusan yang muktamad dapat di-tetapkan.

Tuan V. Veerappen: Ada-kah Kementerian sedar, ia-itu satu majallah yang bernama Planters ada berkata ia-itu perchubaan² untok menggunakan getah dalam pembenaan jalan² sudah siap sa-lama 10 tahun dahulu, tetapi Kerajaan telah menerima-nya. Tetapi Kerajaan tidak menggunakan getah dalam pembenaan jalan di-negeri kita, benar-kah atau tidak?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah benar, tetapi perchubaan itu telah di-jalankan dalam negeri yang sejok, bukan di-negeri yang panas saperti negeri kita yang mana berlainan keadaan-nya dalam negeri kita.

Tuan V. Veerappen: Kalau begitu, perchubaan² ini ada di-jalankan di-Ceylon (Sri Langka) dan kita dapat tahu Sri Langka bukan-lah negeri temperate, tetapi negeri panas saperti Malaysia juga. Dengan sebab itu, apa-kah getah ini tidak di-gunakan dalam pembenaan² jalan di-negeri kita?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang saya sudah terangkan tadi, sudah beberapa tahun kita gunakan, tetapi kita hanya dapat menggunakan 2% hingga 2½% dan perchubaan² sedang kita buat supaya kita

dapat menambahkan lagi lebih daripada ini untuk jalan² kita. Bukan saya katakan kita tidak gunakan, sudah di-gunakan, tetapi tidak lebih daripada 2½%.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah chukop.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah chukop dan Jawapan² Lisan bagi Pertanyaan² No. 16 hingga 39 ada-lah di-beri di-bawah ini).

PELATEH² JURURAWAT DAN BIDAN SARAWAK

16. Tuan Joseph Valentine Cotter minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan pelateh² jururawat dan bidan yang di-ambil dari Sarawak bagi tahun² 1963 hingga 1971 dan pusat² di-mana mereka di-lateh.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):

(i) *Jururawat Pelateh—*

Samenjak tahun 1963 hingga 1971 sa-ramai 260 Jururawat Pelateh telah di-ambil.

Pusat Latehan

Dari tahun 1963 hingga 1971 dua buah Sekolah Latehan di-gunakan di-Sibu dan Kuching. Hanya sa-buah sekolah sahaja di-gunakan sa-lepas tahun 1968 ia-itu di-Kuching di-mana Jururawat rawatan am di-lateh.

(ii) *Jururawat² Perubatan Jiwa—*

Sa-ramai 33 orang Jururawat Perubatan Jiwa di-ambil dari tahun 1963 hingga 1968.

Sekolah/Latehan

Ada dua buah pusat latehan satu bertempat di-Hospital Besar Kuching, yang mana latehan yang di-adakan memakan masa sa-lama sa-tahun dan satu lagi di-Hospital Otak Sarawak untuk latehan sa-lama dua tahun.

(iii) *Bahagian II Bidan Pelateh yang menjalani latehan sa-lama dua tahun—*

Dari tahun 1963 hingga 1971 sa-ramai 202 orang Bidan² Pelateh telah di-ambil dan dari jumlah itu sa-ramai 151 orang telah lulus. Dari jumlah yang lulus itu, 16 orang ada-lah Bidan Kerajaan sementara 135 orang lagi di-biaya² oleh Majlis Daerah.

Pusat Latehan

Pusat latehan-nya ia-lah di-Hospital Lau King Howe, Sibu.

KELINIK² BIDAN KA-TARAF PUSAT KESIHATAN—MENGUBAH

17. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan sa-jauh mana-kah pelaksanaan yang telah di-chapai sa-takat ini dalam tugas mengubah kelinik² bidan kapada taraf pusat kesihatan kechil dan mengarahkan Pasokan² Kesihatan untuk ibu dan kanak² melawat kawasan² pendalaman, untuk memperluaskan lagi perkhidmatan kesihatan akibat pertambahan penduduk sa-banyak lebih daripada ½ juta tahun ini dan nyatakan:

(a) berapa buah kelinik bidan yang sudah di-naikkan kapada taraf Pusat Kesihatan Kechil sejak Januari hingga Jun 1972; dan

(b) bilangan kelinik bidan yang akan di-naikkan taraf-nya akhir tahun ini.

Tan Sri Lee Siok Yew: Perubahan untuk menaikkan taraf kelinik bidan ka-taraf Pusat Kesihatan Kechil hanya dapat di-pertimbangkan di-dalam ulangan penggal pertengahan tahun 1973.

Walau bagaimana pun langkah² telah di-ambil untuk memanjangkan perkhidmatan yang di-selenggarakan oleh Kelinik² Bidan. Dari 1344 kelinik bidan yang ada sekarang, hanya 563 (41%) yang di-lawati oleh kakitangan² Kesihatan di-Luar Bandar dari Pusat² Kesihatan, dan juga memberi perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak² serta memberi perkhidmatan suntikan di-perkhidmatan perbidanan. Untuk kampung² di-pendalaman, pasokan kesihatan ibu dan kanak² sekarang menjalankan 797 "subsidiary clinic" meliputi 234 kampung² di-pendalaman.

Bilangan kelinik² bidan yang di-naikkan ka-taraf Pusat Kesihatan Kechil seperti tersebut di-atas hanya boleh di-pertimbangkan sa-lepas ulangan penggal pertengahan dalam Rancangan Malaysia Kedua.

DOKTOR TETAP DI-BACHOK

18. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Kerajaan akan menempatkan sa-orang doktor tetap untuk bertugas sa-panjang masa

di-Bachok, kerana pada masa sekarang hanya sa-orang doktor dari Pasir Puteh bertugas sa-kali dalam sa-minggu di-Bachok dan di-Pusat Kesihatan Gunong.

Tan Sri Lee Siok Yew: Pada masa sekarang Bachok ada satu Pusat Kesihatan Kechil tetapi tidak ada rumah Kerajaan di-khaskan untuk doktor. Doktor² hanya di-tempatkan di-Pusat² Kesihatan Besar untuk menjaga semua Unit Kesihatan Luar Bandar.

Walau bagaimana pun langkah² sedang di-ambil untuk menambahkan lawatan oleh doktor² dari Pasir Puteh ka-Bachok.

PERCHETAKAN BUKU² TEKS

19. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan mengambil bahagian di-dalam indastri perchetakan buku² teks dengan tujuan memberi buku² teks perchuma kepada semua kanak² sekolah yang miskin, terutamanya mereka yang tinggal di-luar² bandar, bagi membantu mereka meneruskan pelajaran mereka dan membolehkan mereka membanyakkan lagi pendapatan apabila mereka dewasa.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Kementerian saya telah pun membelanjakan sa-banyak \$1.2 juta tiap² tahun untuk keperluan membekalkan buku² teks perchuma kepada penuntut² di-bandar dan di-luar bandar yang tidak mampu membeli buku² teks mereka. Di-samping itu terdapat juga bantuan² buku² teks perchuma yang di-beri oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Kementerian Kebajikan Am. Kerajaan memang memandang berat mengenai perkara buku² teks ini dan baru² ini telah pun melantek sa-buah Jawatankuasa yang bernama Jawatankuasa Penyelaras berkenaan dengan pemberian bantuan kepada penuntut² sekolah. Salah satu daripada tugas Jawatankuasa ini ia-lah mengkaji masalaah buku² teks di-sekolah².

Mengenai perkara Kerajaan mengambil bahagian di-dalam perchetakan buku² teks, perkara ini telah pun di-laksanakan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah pun menchetak buku² teks untuk kegunaan sekolah² dengan harga yang lebeh murah.

Oleh kerana usaha² yang sedang di-jalankan sekarang ini di-rasakan menchukupi maka masalaah Kerajaan mengambil bahagian di-dalam indastri perchetakan buku² teks dengan tujuan memberi buku² teks perchuma kepada semua kanak² sekolah yang miskin tidak timbul.

KECHICHIRAN MURID² SEKOLAH RENDAH—ANGKA²

20. Dr A. Soorian minta Menteri Pelajaran menyatakan :

- (i) angka² kechichiran dari sekolah² bagi tahun 1969, 1970, 1971 dan sa-hingga pertengahan tahun 1972; dan
- (ii) apa-kah langkah² yang telah di-ambil oleh Kerajaan berhubung dengan murid² yang kechichiran yang sedang menghadapi penganggoran.

Tuan Hussein bin Dato' Onn:

- (i) Angka² kechichiran di-perengkat sekolah rendah ada-lah saperti berikut :

1969	...	...	68,764
1970	...	...	71,958
1971	...	...	76,543

Angka² bagi tahun 1972 belum di-perolehi.

- (ii) Hasil kajian mengenai kechichiran yang di-buat oleh Kementerian saya akan dapat di-ketahui pada akhir tahun ini. Tindakan yang akan di-ambil oleh Kementerian Pelajaran terhadap masalaah ini ada-lah bergantung kepada sebab² kechichiran itu berlaku. Walau bagaimana pun, untuk sementara waktu Pegawai Kanan Kementerian saya dan pegawai² pelajaran Negeri telah mengambil tindakan² yang sesuai untuk mengurangkan kechichiran ini.

PEMBENAAN RUMAH² DI-KAMPONG BHARU—SEKATAN

21. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan sama ada beliau sedar bahawa rumah² persendirian di-Kampung Bharu, Kuala Lumpur, di-hadkan kepada dua tingkat sahaja di-dalam kawasan kampung itu dan tiga tingkat bagi kawasan di-pinggir jalan, dan jika ya, apa-kah

langkah² yang di-ambil untuk menghapuskan peratoran² mengenai bangunan yang sudah lapok ini.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Semua pembenaan bangunan² di-dalam kawasan Kampong Bharu pada masa ini ada-lah di-luluskan oleh sa-buah Jawatankuasa khas yang di-panggil Lembaga Pentadbir Kampong Bharu yang di-lantek oleh Kerajaan Negeri Selangor. Had tinggi bangunan barangkali di-kawal mengikut dasar yang di-tetapkan oleh Jawatankuasa itu. Kementerian saya atau Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan demikian tiada kuasa mengenai perkara ini.

SUROHANJAYA DI-RAJA ATHI NAHAPPAN

22. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan hingga ka-mana-kah perlaksanaan Laporan Surohanjaya Di-Raja Athi Nahappan telah di-laksanakan, dan rancangan serta tujuan Kerajaan mengenai perkara ini.

Dato' Ong Kee Hui: Berikutan dengan keputusan Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan bahawa Kerajaan² Negeri hendaklah mengstruktur sa-mula penguasa² tempatan mereka, sa-tengah Kerajaan Negeri telah pun merundingi Kementerian saya berkenaan dengan soal tersebut mengikut garis² yang telah di-shorkan. Saya perchaya Kerajaan² Negeri yang lain juga sedang giat menimbangkan perkara ini. Kemajuan yang di-chapai oleh setiap Kerajaan Negeri di-dalam soal mengstruktur sa-mula penguasa² tempatan mereka, akan di-kaji oleh Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan pada meshuarat²-nya dari masa ka-samasa.

FIMA—PENGEKSPOTAN BARANG² MAKANAN MALAYSIA

23. Dr A. Soorian minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apa-kah akibat-nya kepada eksport barang² makanan Malaysia, mithal-nya, nenas, berikutan dengan kemasokan British dalam Pasaran Bersama Eropah dan apa-kah langkah² yang telah di-ambil oleh Kerajaan untuk memperlingkungi FIMA.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud): Kemasokan Britain ka-dalam Pasaran Bersama Eropah sudah tentu memberi kesan kepada eksport barang² makanan Malaysia seperti nenas dalam tin ka-Britain. Britain pada masa ini merupakan pengimpot utama nenas dalam tin Malaysia ia-itu antara 38%-40% dari jumlah eksport nenas kita di-impot oleh Britain tiap² tahun.

Malaysia sekarang ini menikmati keistimewaan tarif (tariff preferential) dipasaran Britain jika di-bandingkan nenas² yang di-eksport dari negeri² yang bukan Komenwel yang terpaksa membayar tarif sa-banyak 5s. 6d. per cwt. di-champor dengan tarif gula sa-banyak ½%. Dengan kemasokan Britain ka-dalam Pasaran Bersama Eropah, Malaysia bukan sahaja akan kehilangan keistimewaan tersebut, bahkan sa-balek-nya mungkin terpaksa membayar EEC Common External Tariff sa-banyak lebih kurang 25%. Sa-lain dari itu Malaysia juga terpaksa bertanding dengan pengeluar² nenas yang lain seperti Ahli² Sekutu Pasaran Bersama Eropah di-Afrika yang di-kechualikan dari membayar sebarang cukai.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bukan sahaja untuk melindungi FIMA bahkan semua pengusaha² barang² Makanan Malaysia dari kesan kemasokan Britain ka-dalam Pasaran Bersama Eropah itu. Baru² ini Kerajaan Malaysia bersama² dengan beberapa negara ahli ASEAN yang lain telah menubuhkan satu jawatankuasa—Special Co-ordinating Committee of ASEAN yang beribu Pejabat di-Bangkok, bagi membincangkan semua aspek kesan² kemasokan Britain itu dan juga bagi bertindak sa-bagai wakil dalam perundingan dengan Pasaran Bersama Eropah. Sukachita saya nyatakan bahawa jawatankuasa itu telah di-aku² oleh Pasaran Bersama Eropah itu sa-bagai wakil negeri² ASEAN.

Dengan jawatankuasa khas di-atas, kita berharap akan mendapat satu persetujuan tertentu dengan Pasaran Bersama Eropah yang boleh menjamin pasaran barang² makanan dari Malaysia.

RUMAH PANGSA PERBANDARAN— HARGA SEWA

24. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- sewa sekarang yang di-kenakan bagi Rumah Pangsa Perbandaran yang berlain² jenis;
- sama ada sewaan² ini boleh di-kurangkan memandangkan kesusahan yang di-alami oleh ra'ayat;
- bila-kah Kerajaan akan membenarkan rumah² pangsa ini di-jualkan kepada penghuni² yang ada sekarang;
- kenapa rumah² pangsa yang baru tiada di-dirikan baru² ini; dan
- berapa banyak rumah² pangsa baru yang akan di-dirikan di-dalam masa 12 bulan yang akan datang.

Dato' Ong Kee Hui:

- Ada dua jenis sewa yang di-kenakan untuk rumah² pangsa harga murah. Sewa yang di-kenakan itu ada-lah berdasarkan jarak rumah pangsa itu daripada Pejabat Pos. Semua sewa² yang di-kenakan telah di-selaraskan mulai 1hb Julai, 1971 dan sewa² yang di-kenakan bagi rumah pangsa harga murah itu ada-lah seperti berikut:

	Yunit yg. menang- dongi 1 bilik	Yunit yg. menang- dongi 2 bilik	Yunit yg. menang- dongi 3 bilik	Yunit yg. menang- dongi 4 bilik
(i) Dalam kawasan Jari Bulatan (radius) 3 batu daripada Pejabat Pos.	\$32 s.b.	\$42 s.b.	\$55 s.b.	\$68 s.b.
(ii) Di-luar Jari Bulatan (radius) 3 batu daripada Pejabat Pos.	—	\$36 s.b.	\$47 s.b.	—

- Sewa² yang di-kenakan ada-lah sewa yang paling rendah dapat di-tawarkan pada masa ini dan sewa² itu di-anggap adil sa-telah pertimbangan di-beri kepada faktor² yang berkaitan dengan penyewaan rumah pangsa harga murah. Di-medan perumahan harga murah di-Jalan Pekeliling sewa yunit² rumah pangsa tersebut telah di-kurangkan sebanyak 2 kali semenjak rumah pangsa harga murah itu di-dirikan dalam tahun 1968.

- Soal menjualkan yunit² rumah pangsa yang di-diami oleh penghuni rumah² pangsa itu sedang di-timbangkan oleh Kerajaan dengan teliti.
- Tidak-lah betul mengatakan bahawa tiada rumah² pangsa baru di-dirikan baru² ini. Sa-benar-nya, sa-banyak 880 yunit rumah pangsa telah di-dirikan dalam tahun 1971/72 di-3 medan perumahan harga murah ia-itu di-Jalan San Peng, Jalan Bukit San Peng dan Jalan Cheras.
- 4 buah belok 4 tingkat yang mengan-dongi 320 yunit di-Jalan Cheras akan siap di-bena menjelang bulan Sep-tember tahun 1972 dan kerja² telah di-mulakan untuk 2 perojek di-atas 2 buah tapak yang lain.

TEMPAT KEDIAMAN PELAJAR² MENGAMBIL PEPEPEREKSAN STP—KEMUDAHAN

25. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Pelajaran samaada beliau telah mengambil langkah² untuk menyediakan tempat² yang cukup di-sekolah² bagi pelajar² yang ingin mengambil Sijil Tinggi Persekolahan memandangkan kekurangan tempat² sa-bagaimana yang telah di-alami oleh murid² pada tahun ini.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Kementerian saya tidak dapat menyediakan tempat bagi semua pelajar yang ingin mengambil pepe-reksaan Sijil Tinggi Persekolahan di-sekolah² Kerajaan. Tempat² di-tingkatan enam yang di-sediakan bukan untuk semua yang ingin mengambil peperiksaan tetapi hanya untuk mereka yang mempunyai kelayakan masuk yang cukup. Chalun² lain yang ingin mengambil peperiksaan ini ada-lah di-galakkan mengambil peperiksaan itu melalui Kelas² Pelajaran Lanjutan sa-bagai chalun² persendirian. Walau bagaimana pun, Kement-erian saya telah pun mengambil langkah yang perlu dari semasa ka-semasa untuk menyediakan tempat yang cukup bagi chalun² yang cukup kelayakan-nya.

BUKU² TEKS—TIMBANGAN UNTUK MENYEWAKAN

26. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Pelajaran sama ada beliau akan menimbang untuk menyewakan buku² teks kepada pel-ajar yang tidak mampu membeli buku² teks baru.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Perkara ini telah di-fikirkan tetapi di-rasakan tidak praktik. Kementerian saya telah pun menyediakan peruntukan sa-banyak \$1.2 juta sa-tahun bagi membekalkan buku² teks perchuma kepada kanak² yang tidak mampu. Sambil itu Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Kementerian Kebajikan Am juga menyediakan peruntukan masing² mengenai perkara ini. Oleh itu di-rasakan bahawa peruntukan yang terdapat sekarang ada-lah menchukupi. Akan tetapi sa-kira-nya di-rasakan peruntukan yang ada tidak menchukupi Kementerian saya akan berikhtiar untuk menambahkan-nya.

PENDAFTARAN PENUNTUT² UNIVERSITI MALAYA—BILANGAN

27. Tuan V. David minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan tempat² yang telah di-tawarkan kepada pelajar² keturunan Melayu, China dan India di-Universiti Malaya masing², dan apa-kah tindakan yang telah di-ambil di-atas bantahan Persatuan Bahasa Tamil, Universiti Malaya terhadap rendah-nya peratus tempat² yang di-tawarkan kepada pelajar² keturunan India di-Universiti Malaya. .

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Angka² yang di-kehendakki itu ada-lah saperti berikut:

UNIVERSITY OF MALAYA

PERANGKAAAN KEMASUKAN

BILANGAN PEMOHON YANG DITAWAR DAN MENDAFTAR UNTUK TAHUN AKADEMIK 1972/73

Aliran	Melayu		China		India		Lain ^a		Jumlah	
	Tawar	Daftar	Tawar	Daftar	Tawar	Daftar	Tawar	Daftar	Tawar	Daftar
Sastera ...	1,129	1,048	393	310	124	97	54	49	1,700	1,504
Sains ...	295	246	946	664	97	72	28	20	1,366	1,002
Jumlah ...	1,424	1,294	1,339	974	221	169	82	69	3,066	2,506

Mengenai kemasokan penuntut² keturunan India ka-Universiti Malaya, sukachita di-maalumkan bahawa pada permulaan-nya bilangan penuntut² keturunan India yang masuk ka-Universiti Malaya untuk Tahun Akademik 1972/73 ia-lah 475 orang ia-itu 5.8%. Saya telah meminta Universiti Malaya menambah pengambilan penuntut² keturunan India ka-Universiti hingga-lah jumlah penuntut² keturunan India itu menjadi 555 orang dan peratus-nya menjadi 6.7%. Berkenaan dengan kepayahan untuk masuk ka-Universiti, kepayahan ini di-rasai oleh penuntut² keturunan semua kaum kerana tempat² ada-lah terhad. Walau bagaimana pun Kementerian saya akan mengawasi supaya bilangan penuntut² yang di-terima masuk tiap² tahun ka-Universiti akan mencherminkan keperibadian Malaysia bukan sahaja di-Universiti itu pada kese-luruhan-nya, tetapi juga di-dalam fakulti².

KESATUAN SEKERJA—PEKERJA² DALAM PARTI POLITIK

28. Tuan Chan Fu King minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan sama ada Kerajaan akan mengulang kaji undang² buroh untuk membenarkan pegawai² kesatuan sekerja memegang jawatan di-dalam parti² politik, memandangkan bahawa soal² buroh dengan sendiri-nya ada-lah asas soal² politik.

Tuan Lee San Choon: Untuk mengelakkan perkara² mengenai Kesatuan Sekerja dari di-salah gunakan oleh ahli² politik atau sa-balek-nya, ada-lah menjadi pendapat kami supaya tidak akan meminda Ordinan Kesatuan Sekerja bagi membenarkan pegawai² atau pekerja² Kesatuan Sekerja memegang jawatan di-dalam parti² politik.

PEMBERHENTIAN KERJA— MENGADAKAN FAEDAH²

29. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan sama ada beliau akan menimbangkan dengan bersungguh² untuk mengadakan satu undang² bagi memberi faedah² pemberhentian kerja atau pun ganti rugi oleh kedua² pihak Kerajaan dan majikan² kepada pekerja² dan tanggungan² mereka yang terlibat di-dalam kes² pemberhentian kerja yang tulin, dan jika tidak, mengapa.

Tuan Lee San Choon: Faedah² pemberhentian kerja ada-lah selalu-nya di-anggap sebagai satu perkara yang di-runding bersama dan bukan mengikut undang². Pada amalan-nya ini berjalan dengan baik dan sebagainya yang di-ketahui bahawa di-mana pembuangan² kerja atau pengenehan² pekerja² di-tempat² pekerjaan yang besar berlaku, pekerja² yang berkenaan ada-lah diberikan pampasan, berdasarkan tahun² perkhidmatan dan lain² faktor yang berkaitan seperti keupayaan majikan untuk membayar. Saya sedar tentang kesusahan² yang mungkin timbul seperti dalam kes pekerja² yang tua yang tidak dapat mencari pekerjaan lain dengan segera. Walau bagaimanapun saya akan mengkaji perkara ini.

PUSAT PEKERJAAN/BELIA PEMBENA NEGARA—PENDAFTARAN PEKERJAAN

30. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan:

- (a) sama ada benar bahawa dalam bulan April sa-ramai 158,474 orang telah mendaftarkan diri di-Pusat² Pekerjaan di-Malaysia Barat tetapi hanya 2,088 orang sahaja daripada mereka telah mendapat pekerjaan; dan
- (b) sama ada benar bahawa sa-hingga bulan April sa-ramai 777 orang belia yang terlateh di-Pusat Latehan Belia Pembena Negara telah mendaftarkan diri untuk mencari pekerjaan tetapi hanya 18 orang sahaja yang berjaya mendapat pekerjaan.

Tuan Lee San Choon:

- (a) Ada-lah benar bahawa dalam bulan April, 1972, sa-ramai 158,474 penchari² kerja telah mendaftar di-

Pejabat² Pekerjaan di-Malaysia Barat dan sa-ramai 2,088 daripada mereka telah di-tempatkan dalam pekerjaan melalui Perkhidmatan Pekerjaan.

- (b) Kedudukan sa-benar-nya ia-lah bahawa sa-hingga akhir bulan April, 1972, sa-jumlah 8,177 belia² telah dilateh di-Pusat Latehan Angkatan Pembena Negara dan dari bilangan ini hanya sa-ramai 777 belia² yang maseh belum mempunyai pekerjaan dan maseh mendaftar di-Perkhidmatan Pekerjaan. Sa-ramai 18 orang dari belia² ini telah di-tempatkan dalam pekerjaan di-Malaysia Barat dalam bulan April, 1972, melalui Perkhidmatan Pekerjaan dan tambahan sa-ramai 177 belia² lagi telah di-hantar ka-Sabah dalam bulan yang sama di-bawah Lembaga Kumpulan Wang Perpindahan Malaysia untuk bekerja dengan Lembaga Kemajuan Tanah Sabah.

Semenjak tahun 1970, sa-jumlah 948 belia² yang telah di-lateh oleh Pusat Latehan Angkatan Pembena Negara telah di-tempatkan dalam pekerjaan oleh Perkhidmatan Pekerjaan, seperti berikut:

Tahun	Penempatan
1970	169
1971	715
1972 (sa-hingga akhir bulan Jun)	64
Jumlah	948

TAHANAN² DI-PULAU JEREJAK

31. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementerian-nya akan menimbang membebaskan orang² tahanan di-Pulau Jerejak, yang telah uzor kerana sudah sangat tua, sudah rabun dan pekak, jika saudara-mara mereka merayu untuk di-bebaskan serta menjamin keselamatan mereka.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj): Boleh di-katakan tiada sesiapa pun di-antara orang² tahanan di-Pusat Pemulehan Akhlak, Pulau Jerejak yang berkeadaan uzor kerana sudah sangat tua, sudah rabun dan pekak seperti yang di-

jangkakan oleh Ahli Yang Berhormat. Oleh demikian, soal untuk melepaskan mereka tidak-lah berbangkit.

HUKUMAN GANTONG SAMPAI MATI—MENGADAKAN UNDANG²

32. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan berhadang hendak meminda Undang² supaya di-kenakan hukuman gantung sampai mati dan bukan hukuman buang negeri ka-atas sa-saorang yang didapati salah kerana tuduhan bersubahat dengan pengganas komunis.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tiada.

SHARIKAT BAS SELANGOR—SEBAB² PEKERJA DI-TAHAN

33. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) mengapa empat orang pekerja bas di-Kuala Lumpur telah di-tahan pada 1hb Mei, 1972; dan
- (b) semenjak tarikh itu, berapa orang daripada-nya telah di-bebaskan.

Tun Dr Ismail Al-Haj:

- (a) Empat orang pekerja di-Sharikat Bas Selangor telah di-tahan pada 29hb April 1972 di-bawah sekshen 73 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri, tahun 1960 oleh kerana terlibat di-dalam gerakan² anasir² pro-Komunis.
- (b) Kesemua mereka itu telah di-bebaskan pada 26hb Mei, 1972.

KEMASOKAN FILEM² REPUBLIK RA'AYAT CHINA

34. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang mengendorkan sekatan terhadap impot filem² daripada Republik China untuk di-tayangkan kepada orang ramai di-panggong² tempatan.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Soalan yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada-lah lebih kurang sama dengan soalan yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Chan Fu King yang telah saya jawab pada 9hb Ogos, 1972. Kemasokkan

filem² daripada Republik Ra'ayat China ada-lah terta'alok kepada kehendak² Cinematograph Filems Ordinance 1952 .

ANJING² POLIS—BILANGAN

35. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan anjing polis yang ada sekarang dalam Pasokan Polis Di-Raja;
- (b) tempoh latehan yang di-beri kepada anjing itu serta harga tiap² sa-ekor dan dari negeri mana-kah anjing² itu di-beli; dan
- (c) kejayaan² yang terchapai akibat perkhidmatan anjing² itu.

Tun Dr Ismail Al-Haj:

- (a) 21 anjing jantan dan 2 anjing betina (untuk ternakan)
- (b) *Latehan*
 - (i) Kursus Asas—6 bulan
 - (ii) Kursus Ulang Kaji—2 bulan
 - (iii) Kursus Lanjutan—2 bulan (sa-lepas tempoh 2 tahun)

Harga

Dari \$1,000 hingga \$1,100 tiap² sa-ekor anjing sa-masa di-terima di-Pelabohan Klang. Ini termasuk tambang kapal, insuran dan harga makanan dalam perjalanan.

Negeri Asal

Sa-hingga masa ini semua anjing² telah di-beli dari United Kingdom. Pembelian anjing² dari Mesir dan Australia sedang di-siasat dan di-kaji.

- (c) Semenjak penubuhan Yunit Anjing ini sa-banyak lebih kurang 800 panggilan kechemasan telah di-dapati. Kejayaan² di-perolehi sa-banyak 80%-85% dari panggilan² tersebut.

SISTEM EJAAN INDONESIA/MALAYSIA

36. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan bila-kah Kerajaan akan melaksanakan sistem ejaan Indonesia/Malaysia yang telah di-persetujukan itu dalam:

- (a) Jabatan² Kerajaan;

- (b) semua Jabatan² Penchetakan Kerajaan; dan
- (c) semua gedong² penchetakan dalam Negeri ini, dan apa-kah kesukaran² yang di-hadapi dalam pelaksanaan-nya.

Perdana Menteri: Perkara ini akan di-umumkan pada 16hb Ogos ini.

LAWATAN MENGEJUT KA-JABATAN² KERAJAAN

37. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan kejayaan yang telah di-buat dalam gerakan melancarkan jentera Kerajaan hasil daripada lawatan mengejut ka-Jabatan² Kerajaan oleh Perdana Menteri dan berapa kali lawatan² seperti itu yang telah di-buat.

Perdana Menteri: Pelaksanaan ranchangan² pembangunan Kerajaan ada-lah berdasarkan Arahan Majlis Tindakan Negara No. 1. Di-bawah Arahan tersebut, saya telah mengarahkan ka-semua negeri dan daerah untuk memperbaiki jentera pelaksanaan ranchangan² pembangunan dengan mengadakan Jawatankuasa² Tindakan di-perengkat Negeri dan Daerah. Arahan² ini telah berhasil memperchepatkan lagi pelaksanaan ranchangan² Kerajaan.

Lawatan² mengejut ada-lah di-buat bukan sahaja oleh saya sendiri tetapi oleh Ahli² Majlis Tindakan Negara, dan juga Ahli² Jawatankuasa² Tindakan di-perengkat negeri dan daerah.

UNDANG² NIKAH CHERAI ORANG² ISLAM

38. Dr Tan Chee Khoo minta Perdana Menteri menjelaskan kenyataan-nya berhubung dengan undang² Perkahwinan dan Percheraian orang² Islam di-dalam Persidangan Agong UMNO yang baru lalu, dan sama ada ini satu langkah Kerajaan bagi memoden dan mengubahsuaikan undang² itu.

Perdana Menteri: Dalam Persidangan Agong UMNO yang baru lalu (24-6-72), di-antara lain, saya telah beritahu Persidangan bahawa saya telah mengeshorkan kepada Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia supaya melantek satu Jawatankuasa bagi menyemak aspek² Pentadbiran Shari'ah, terutama sa-kali yang menyentoh aspek

nikah cherai orang² Islam. Saya telah meminta Jawatankuasa itu membuat shor² untuk mengetatkan lagi peratoran² nikah cherai bagi orang² Islam yang di-tadbirkan sekarang sesuai dengan kehendak ugama Islam yang sa-benar-nya.

Dalam soal nikah cherai, walau pun ugama Islam membenarkan lelaki berkahwin lebeh dari satu dan tidak lebeh dari empat, tetapi kebenaran itu di-sertakan dengan sharat² yang ketat, ia-itu mustahak-lah sa-orang lelaki itu sa-bagai suami bersifat adil, dzahir dan batin dan bertimbang rasa khas-nya kepada anak² mereka.

Oleh sebab ugama Islam ada-lah di-bawah kuasa Kerajaan² Negeri, langkah² yang hendak di-ambil tidak dapat di-tentukan sahingga perkara ini telah mendapat persetujuan Kerajaan² Negeri.

PEMERAN PERDAGANGAN SPRING DI-CANTON

39. Tuan Su Liang Yu minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) nama² ahli perwakilan yang telah di-hantar oleh PERNAS ka-Spring Trade Fair di-Canton, China pada bulan April, 1972;
- (b) berapa banyak barang yang telah mereka beli atau pesan daripada "Trade Fair" di-Canton dan apa-kah barang² itu; dan
- (c) ada-kah Kerajaan akan menimbang memasokkan Ahli² Parlimen dalam rombongan perdagangan ka-Negeri China pada masa akan datang untuk menentu dan menggalakkan muhibbah antara kedua negara itu, dan jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri:

- (a) Rombongan perdagangan anjoran PERNAS ka-Pameran Perdagangan Spring di-Canton dalam bulan April, 1972, ada-lah terdiri daripada 45 orang. Nama² mereka ada-lah seperti dalam senarai yang telah saya edarkan:
- (b) Jumlah nilai barang² yang di-kontrek oleh peniaga² Malaysia di-Pameran Perdagangan di-Canton itu ada-lah berjumlah lebeh kurang \$18 juta. Barang² yang di-kontrek terutama-nya terdiri daripada barang² makanan, kimia, bahan² besi dan pembenaan,

barang² sukan, kain² dan pakaian, permainan budak², ubat², mesin² dan alat² sekolah.

- (c) Ahli² Parlimen telah pun turut serta dalam rombongan perdagangan yang lalu ka-Pameran Perdagangan di-Canton. Penyertaan mereka dalam rombongan ini bukan-lah sahaja berdasarkan kepada keinginan mereka untuk menggalakkan muhibbah tetapi juga kerana minat yang di-tunjokkan oleh mereka untuk menyertai di-samping menggalakkan hubungan perdagangan di-antara kedua² negara.

AHLI² PERWAKILAN YANG TELAH PERGI KA-SPRING TRADE FAIR DI-CANTON, CHINA PADA BULAN APRIL, 1972

Nama	Alamat
1. Enche' Mohd. Shahar ...	PERNAS
2. Dato' Suleiman Ninam Shah	PERNAS
3. Enche' Kamarul Baharin	PERNAS
4. Enche' Haniff Rose ...	PERNAS
5. Enche' Mohd. Nordin Daud	PERNAS
6. Enche' Cheah Phin Yeou	Malayan Banking Bhd., Kuala Lumpur
7. Enche' Amirudin bin Kaharudin	Kementerian Perdagangan dan Perindustrian
8. Enche' S. G. Surani ...	Perak
9. Y.B. Enche' Tajudin bin Ali, M.P.	Perak
10. Y.B. Dato Murad bin Mohamed	Perak
11. Y.B. Dato' Mansor bin Mohamed	Trengganu
12. Tuan Haji Abdul Aziz bin Sood	Selangor
13. Y.B. Tengku Yaacob bin Tengku Salleh	Selangor
14. Enche' Hashim bin Zainal Abidin	Selangor
15. Enche' Reuban Hassan ...	Selangor
16. Y.B. Tuan Haji Mohd. Razali bin Ali	Selangor
17. Enche' Madid Khan ...	Sabah
18. Y.B. Tengku Abdullah ...	Selangor
19. Enche' Abdullah Firuz ...	Selangor
20. Enche' Abas bin Mohd.	Johor
21. Enche' Salleh Jafaruddin	SEDC Sarawak
22. Enche' Koh Thean Hee	SEDC Sabah
23. Enche' Wahid Andrew ...	SEDC Sabah
24. Enche' S. S. Gill ...	Selangor

25. Enche' Jumabhoy ...	Penang
26. Enche' Jaswant Singh ...	Selangor
27. Enche' Tan Koh Chee ...	Sim Lim (M) Sdn. Bhd., K.L.
28. Enche' Chua Sin Kim ...	Sim Kee Co., Penang
29. Enche' Ng Koh Quan ...	Tiong Lee Co. Kluang
30. Enche' Tan Teng Yam ...	Lien Hong Chang, Melaka
31. Enche' Tan Peng Kuan	Hong Tai & Co., K.L.
32. Enche' Ch'ng Eng Chin	Lim Teck Lee Sdn. Bhd., K.L.
33. Enche' Lee Kam Yoon	Kim Guan Metals, K.L.
34. Enche' Lim Tow Choon	Lim Seng Huat Sdn. Bhd., K.L.
35. Enche' Hoong Fan Lai	Chop Wing Sang, Ipoh
36. Enche' Chan Hia Thong	Sharikat Cheap Hin Tay, K.L.
37. Enche' Lim Kean ...	China & Company, Penang
38. Enche' Chow Wah Ling	Sin Kwong Lee, Malacca
39. Enche' Tan Moi Nyak ...	Nam Seng Chemicals, K.L.
40. Enche' Ng Kok Seng ...	Sharikat Hong Hin Seng Kee, K.L.
41. Enche' Chan Tat ...	United Fruits & Co., Penang
42. Enche' Cheng Hie Kwon	Hock Hua Bank, Sarawak
43. Enche' Chin Nyuk Fatt	Perusahaan Impian Jaya, Sabah
44. Enche' Noh Chim ...	Taw Joo Co., Johor
45. Enche' Yap Cheng Hai	Ma'amur Malaysia. K.L.

USUL

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peratoran Meshuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan di-tanggohkan hari ini hingga pukul 7.00 malam.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-persetujukan,

Bahawa menurut peruntukan Peratoran Meshuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan di-tangguhkan hari ini hingga pukul 7.00 malam.

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT

RANG UNDANG² SUROHANJAYA PILEHANRAYA (PINDAAN)

Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Akta Surohanjaya Pilehanraya, 1957; di-bawa ka-dalam meshuarat oleh Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² SUROHANJAYA PERKHIDMATAN (PINDAAN)

Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Surohanjaya Perkhidmatan, 1957; di-bawa ka-dalam meshuarat oleh Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² DUTI SEWA FILEM WAYANG GAMBAR (PINDAAN)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan yang di-tangguhkan atas Masaalah, "Bahawa Rang Undang² ini di-bachakan kali yang kedua sekarang." (14hb Ogos, 1972).

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengambil bahagian ketika mana satu Rang Undang² ia-itu bagi meminda Akta Duti Sewa Filem dan Wayang Gambar, 1965 ini yang di-bentangkan di-dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang kita tahu bahawa sa-sungguh-nya pengarah filem di-negeri kita ini ada-lah chukup kuat dan sa-tengah² daripada pendudok² di-luar bandar dan kampong² memang suka benar melihat filem² wayang gambar. Apa yang menjadi masaalah kapada kita sekarang ini ia-lah filem² yang di-buat di-dalam negeri ini khas-nya filem² Melayu tidak begitu mendapat sambutan berbanding dengan filem² yang datang dari luar negeri terutama filem² Hindustani. Kalau filem² Hindustani di-tayangkan, maka kita dapati pendudok² negeri ini khas-nya pendudok² luar bandar memang suka benar melihat-nya hatta kadang² sa-tengah-nya sanggup membelanjakan wang kegunaan keperluan-nya untuk pergi melihat wayang gambar yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pengarah filem seperti ini harus di-ambil perhatian oleh pihak Kerajaan khas-nya di-mana sa'at seperti ini kita mahu menjayakan Rancangan Malaysia Yang Kedua. Kita mahu tukarkan chorak pemikiran ra'ayat² di-luar bandar khas-nya ra'ayat² di-kampong². Kalau kemasokan filem² ka-dalam negeri kita ini hanya di-sogok²kan dengan cherita² yang mendatangkan keseronokan, yang mendatangkan kesukaan sa-mata², saya rasa pemikiran ra'ayat yang suka melihat filem² itu tidak akan berubah dan hasrat Kerajaan untuk menukarkan mentality orang² kampong, orang² luar bandar tidak akan termakbul di-masa yang sa-patut-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan pihak Kerajaan agar memikirkan di-samping meminda Akta² yang berhubung dengan wayang gambar ini, di-fikirkan sa-mula, di-fikirkan juga berhubung bagaimana-kah satu chara harus di-salorkan bagi menanam semangat pembangunan, bagi menanam semangat tanggung-jawab, bagi menanam semangat yang benar² untuk kebaikan ekonomi ra'ayat bagi diri mereka sendiri dan bagi negara ini. Kalau boleh kita harus menyelitkan yang filem² menunjukkan gerakan² kemajuan negara kita ini atau pun filem yang mendatangkan bertambah semangat itu di-dalam filem² yang di-sukai oleh orang ramai melihat-nya. Dan sa-ian daripada itu, membuat kajian bagaimana-kah chara-nya supaya filem² yang di-buat dalam negeri ini dapat juga mendatangkan sambutan oleh ra'ayat umum dan hendaklah di-sogokkan dengan satu kesah, ia-itu

bagi meninggikan semangat ra'ayat bagi pembangunan ekonomi dan rohani di-negeri kita.

Itu-lah harapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Thomas Selvaraj Gabriel (Pulau Pinang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² Duti Sewa Filem Wayang Gambar tahun 1965, akan tetapi, sa-belum Rang Undang² ini di-luluskan oleh Dewan yang mulia ini, saya suka membawa satu dua perkara kepada Kementerian yang berkenaan.

Pada masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa puluh panggong² wayang gambar di-seluruh negeri kita, terutama sa-kali di-Ibu Kota Malaysia, ia-itu di-Kuala Lumpur ada-lah sangat kotor. Keadaan hygienic-nya tidak di-jagai terutama sa-kali di-panggung wayang yang bernama Hindustan, Central, Coliseum dan Lido dan juga beberapa puluh panggong yang saya tidak tahu nama-nya.

Saya fikir chuma satu hari sa-kali sahaja dia sapu, dia bukan menjaga hygienic condition yang patut kita kehendaki.

Dan juga, Tuan Yang di-Pertua, ada terdapat perbezaan pada masa kita membeli tiket "reserved" di-Negeri Pulau Pinang dan harga tiket itu ia-lah \$2.00. Tempat dudok yang baik di-theatre itu ia-lah berharga \$2.00, tetapi di-Kuala Lumpur ini harga tiket "reserved" itu \$2.30 tetapi keadaan-nya ada-lah horrible. Lebih jauh kita pergi, maka lebih banyak lagi kita akan dapati nyamok² dan juga pijat² (bugs). Kerusi itu ia-lah kerusi papan dan kerusi rotan, tetapi harga-nya lebih daripada yang kita mengadakan dan lain² panggong yang lebih baik. Saya harap Kementerian ini mengambil tahu dan juga mengambil langkah. Terima kaseh.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya minta iz'n berchakap dalam bahasa Inggeris. Saya ada satu point sahaja. I just wish to make a point, Mr Speaker, Sir.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak selalu beri izin; kali ini sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh-kah saya teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, kali ini sahaja!

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) I just wish to make one point. I think it is important that the Government should not place over-emphasis on the collection of duties to the disregard of the social and the cultural influences which such films can have on the youths of this country. There are many films in town where they are just no more and no less than propaganda for horror, violence, pornography, drugs, hippism, etc. and I think there must be a very strict censorship of these films so that they would not have an adverse influence on the minds of the young. Already, I think, we have allowed too many of these films which are naked propaganda for horror, violence, pornography and drugs from the West to be screened. We have reached a stage where even such a respectable organisation as the Scouting Organisation under the distinguished patronage of the Honourable Minister of Communications had a Woodstock Carnival incident where pot smoking and drug taking took place. I think this is a most serious turn of development which the Government must take into account and nip in the bud this development.

I would, therefore, urge the Government to strictly check all films before letting them in. We see a lot of children going to see very gory films, very bloody films, which cannot have a very useful formative influence on their social and cultural development. I would therefore urge that the Government should stop these films. In the same way, the Government should stop immediately all "X" films, because if we are going to wait until the Parliamentary Committee comes up with a report it will probably be six months or eight months when these X films will have already gone to town in galore and the adverse and evil influences they will have on the young of Malaysia will be too difficult to eradicate. It is because of this that I would urge seriously a governmental enquiry into how the films policy of the Government has corrupted, even depraved or misled the young to assimilate and absorb the worst influences of the western culture in terms of drug-taking, pot smoking, hippism and all that.

Finally, Mr Speaker, Sir, there is a need for more educational and more informational films, and in this regard and also in relation to our intention to pave the way for better

relationship with the People's Republic of China, we should have a more liberal attitude to allow films from the People's Republic of China to come into Malaysia, instead of as at present, the attitude of a virtual ban.

Dato' Dr Haji Abdul Aziz bin Omar (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² ini. Sunggoh pun bagitu, izinkan saya memberi sedikit pandangan. Filem² yang di-impot ka-Malaysia ini sa-bahagian kechil sahaja yang memberi faedah kepada kita daripada segi pelajaran, akan tetapi kebanyakan-nya saperti mana yang telah di-sebutkan dalam Dewan ini hanya merosakkan akhlak kita. Kalau bagitu apabila Kerajaan hendak mengimpotkan filem ini minta-lah di-awasi dengan bersunggoh²-nya.

Saya sangat khuatir berkenaan dengan poster² yang meng'klankan filem² ini. Ini ada-lah lebeh merbahaya daripada filem² itu sendiri kerana filem² ini di-tuntuni oleh sa-bahagian kechil sahaja daripada ra'ayat² yang duduk di-dalam bandar² yang menunjokkan filem² itu. Akan tetapi poster² yang mengiklankan filem² ini di-bentangkan di-tempat² yang penoh sesak oleh manusia bukan sahaja daripada gulungan orang² tua, juga gulungan orang² muda dan kanak². Terkadang poster² ini menjolokkan mata kita yang melihat-nya. Saya tahu sa-hingga sekarang ini ada satu poster yang besar di-satu bandar dalam Malaysia ini di-simpang jalan di-mana beribu² manusia berjalan berulang-alek siang dan malam. Di-situ di-pamerkan satu poster yang ta' patut di-letakkan di-mana² sa-kali pun mahu pun di-dalam bilek sendiri. Maka yang melihat poster² itu bukan sahaja orang² dewasa juga anak² sekolah dan anak² yang di-dokong oleh ibu²-nya. Maka dengan sebab itu, saya minta-lah apabila penapis² filem ini yang akan bersidang dari sa-masa ka-samasa hendak-lah menumpukan perhatian mereka bukan sahaja kepada filem² yang akan di-tayangkan di-dalam panggong² wayang gambar juga poster² yang di-bentangkan untuk mengiklankan filem² itu. Jikalau di-dapati poster² ini menjolok mata dan memburokkan akhlak kita, maka patut di-buang sama sa-kali dan gambar itu pun jangan di-benarkan tunjok di-panggong² yang mengimpotkan filem² itu. Sekian-lah sahaja, Tuan Yang

di-Pertua, saya harap apa yang saya beritahu ini akan menjadi kesan kepada penapis² filem kita yang akan datang.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'id (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya berserta dengan rakan² saya tadi menyokong Akta Duti Sewa Filem Wayang Gambar, 1965. Apa yang saya ingin kemukakan pendapat saya untuk pertimbangan Yang Berhormat Menteri ia-lah berkenaan dengan penggunaan bahasa Kebangsaan. Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kita sudah merdeka hampir 15 tahun dan peluang telah di-beri kepada warganegara kita untuk menggunakan bahasa ini dengan sa-luas²-nya tetapi sa-hingga hari ini kita belum lagi dapat menchapai maksud bagaimana yang di-kehendaki. Kira-nya kita melihat negara² yang lain mithal-nya di-Thailand, kita dapat lihat bahawa di-panggong² wayang gambar itu menunjukkan keperibadian negara Thailand. Tiada ada satu huruf pun, atau perkataan lain daripada bahasa Thai. Sunggoh pun gambar yang akan di-tunjokkan itu ia-lah daripada gambar Inggeris, gambar daripada negeri China dan lain².

Saya ingin dapat tahu bila-kah masa-nya yang Kementerian kita akan ambil tindakan yang tegas untuk menguat-kuasakan Rang Undang² Bahasa Kebangsaan supaya tiap² poster atau tiap² tajok gambar yang hendak di-tunjokkan itu di-tulis dengan bahasa Malaysia. Saya harap pehak Kementerian ini akan menegaskan di-atas perkara ini. Sa-kira-nya kita tidak ambil tindakan yang tegas, maka sa-hingga bila pun perkara ini akan berlanjutan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah berkenaan dengan aleh suara. Kita lihat ada dalam talivishen di-aleh-suarkan dan juga gambar² yang di-tayangkan di-panggong² wayang gambar sekarang ini tidak di-aleh-suarkan. Chuma yang di-tuliskan ia-lah bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris sabagai terjemahan. Ada sa-tengah² sahaja filem yang di-tuliskan di-bawah-nya bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia. Saya berharap supaya pehak Kerajaan juga akan mengambil satu tindakan tegas untuk mengalah suarkan semua filem² kepada bahasa Malaysia supaya dapat-lah peluang bagi semua warganegara melihat gambar² yang di-tayangkan sama ada gambar itu daripada Barat, atau daripada Timor untuk mendapat hiburan atau pun dapat pelajaran daripada

melihat wayang² gambar itu. Jikalau tidak dapat di-buat dengan masa yang sengkat, saya harap pehak Kementerian ini dapat memberikan satu tarikh yang tertentu umpama-nya dalam masa 3 tahun, maka pehak yang menganjorkan filem itu atau pehak yang berkuasa di-atas panggong itu akan mengambil tindakan untuk mengikut perintah dan atoran yang di-buat oleh Kerajaan.

Pehak Bandaraya Kuala Lumpur ini telah pun menjalankan satu kuasa-nya yang tegas untuk mengharamkan menghisap rokok di-dalam panggong wayang dan juga mengeluarkan undang² supaya papan tanda nama perniagaan itu di-pamirkan dengan Bahasa Kebangsaan. Kalau boleh di-buat demikian saya tidak nampak kenapa panggong² wayang itu dan juga tayangan wayang gambar itu tidak boleh di-ambil satu tindakan terhadap mereka ini.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan filem sex yang di-tayangkan sekarang ini. Filem sex ini sudah di-tayangkan beberapa lama manakala di-bangkitkan dalam Dewan ini dan juga di-luar, baharulah hendak di-lantek sa-buah Jawatan-kuasa untuk mengkaji-nya. Jawatan-kuasa ini sekarang sedang mengkaji, tetapi pada masa pengkajian ini di-jalankan, filem sex itu maseh di-tayangkan atau di-bebaskan tayangan-nya. Apa yang saya ingin tegaskan di-sini, pada masa hadapan hendak-lah di-lantek sa-buah Jawatan-kuasa untuk mengkaji dan menyiasat sa-belum di-bentangkan laporan-nya perkara yang berkaitan mesti-lah di-haramkan sama sa-kali daripada di-tayangkan sa-hingga dapat keputusan daripada Dewan ini. Jikalau kita benarkan filem² itu di-tayangkan dan di-masa itu juga kita lantek satu Jawatan-kuasa Pengkaji, ini ada-lah sangat tidak kena pada tempat-nya. Saya berharap pada masa akan datang akan di-ambil tindakan supaya perkara ini tidak berlaku lagi.

Yang ka-empat, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah berkenaan dengan cherita² yang di-tayangkan di-dalam filem² itu. Ada kita mendapat tahu cherita² sa-lain daripada gambar sex ini ada cherita² yang membangkitkan semangat pemberontakan atau membangkitkan semangat atau menunjukkan pelajaran bermain senjata. Pehak Singapura saya dapat tahu telah pun mengharamkan tayangan filem² bermain pedang, kerana

pada pendapat Kerajaan Singapura barangkali, ini satu perkara yang memberi semangat kepada budak² kechil suka bermain senjata dan akan merosakkan negara. Saya harap Kerajaan akan mengkaji filem² yang akan membangkitkan semangat pemberontakan dan berlawanan dengan ibu bapa atau pun warith mereka, patut-lah di-haramkan sama sa-kali daripada di-tayangkan di-dalam negara kita.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya silap minta dapat tegoran, pengimpot² filem itu ada-lah terdiri daripada dua tiga orang yang saya tahu bahawa mereka menjadi sa-bagai monopoli kepada filem² yang di-impotkan ka-dalam negara kita ini dan mendapatkan keuntungan yang besar. Oleh yang demikian, saya berharap pehak Kerajaan akan menamatkan pengimpot filem sa-chara persaorangan atau dua tiga orang itu dan memberi peluang kepada sa-buah sharikat yang mana terdiri ahli-nya daripada orang ramai atau public limited company, atau sharikat kerjasama, atau sharikat permodalan yang mana orang² Melayu pun ada champor sama dan keuntungan itu dapat di-bahagi²kan kepada pehak yang lebeh ramai daripada hanya kepada dua tiga orang yang monopoli mengimpot filem itu. Ini satu perkara yang dapat memberikan kekayaan kepada orang ramai daripada memberikan kekayaan kepada orang² persaorangan.

Sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I would say that the society we live in today is far different from the society in which our ancestors and forefathers lived. During those days, we never heard of people agitating for sex education in schools. Today, there are people all over Malaysia and outside agitating for some form of sex education by teachers to students so that they will know and understand what sex is. The Government today has permitted films of various types including sex films to be shown in the theatres, but it is not the films by themselves which are harmful. It is the posters which are exhibited outside the theatres that are more damaging and harmful. If the posters are in moderation, the people who go there only will know what is happening inside. Moreover, you will find today that in the case of "X" films or

adult films, more married people go inside than youngsters. Married people go with their wives, or with their husbands as the case may be, as a sort of relaxation. Every moment is absorbed in seeing the film, and youngsters under 18 are not allowed to go in. It is people who are over 18 years who have a chance of going in and boys of over 18 years are fairly mature enough and during their school days itself or immediately after their school days, a little bit of curiosity comes into their minds.

Mr Speaker, Sir, I see no reason if sex films of moderation, not extremism, are exhibited because if one were to take a count of the number of married people and adults over 25 to 30 years who go there, one will notice that the youngsters who go there are practically limited. If we are going to ban completely sex films, we must as well ban massage parlours and strip-tease shows in theatres and in hotels and abolish all houses of ill-fame. Young children also know that there are prostitutes lined up in many of the roads, there are massage parlours, and so on. So, I feel that instead of having to show religious films all the time, once in a way, sex films of moderation will not do any harm to people who go there, provided the Government takes care to see that the posters are not so damaging and so tempting. Nowadays, the posters are damaging, but when you go inside the theatre, there is nothing to see. (*Ketawa*) If you only look at the posters, you can go home satisfied. But once you go inside, you go home disappointed. So, I would personally advocate that sex films of moderation

Tuan Yang di-Pertua: Is that statement made from experience? (*Ketawa*)

Tuan R. C. M. Rayan: You yourself, Sir, might have seen it and many others here, of course, want to be a little bit of hypocrites—having seen it, they do not want others to see it. (*Ketawa*)

Sir, I do not want to be a hypocrite myself and I would not object to sex films or any other films of moderation, but what is to be controlled are the posters outside. Thank you, Mr Speaker, Sir.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah membahathkan Rang Undang² ini.

Yang sa-benar-nya, Rang Undang² ini sa-bagaimana yang telah di-sebutkan pada permulaan ucapan saya waktu membentangkan dan juga di-dalam Huraian di-hujung Rang Undang² ini ada-lah suatu undang² yang samata² berkenaan dengan hendak mengutip duit atau pun chukai atas wang² sewaan bagi filem² yang di-tunjokkan di-dalam negeri ini; itu sahaja undang² ini. Tentang segala² perkara yang lain itu ada-lah terta'alok di-bawah undang² yang lain dan terta'alok di-bawah kapada kuasa² yang lain. Umum-nya perkara² yang lain itu ada-lah terta'alok di-bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Banyak perkara² yang lain yang di-sentuh. Saya hanya berkata sa-chara umum tadi dan ada beberapa perkara lagi yang saya suka jelaskan sedikit ia-itu Ahli Yang Berhormat dari Bungsar minta di-kechualikan chukai entertainment untuk keperluan charity atau pun kebajikan dan juga Ahli Yang Berhormat itu minta kechualian chukai entertainment bagi parti² politik. Di-sini chukai entertainment ada-lah kuasa Kerajaan Negeri dan bukan-lah kuasa Kerajaan Pusat dan hasil chukai entertainment itu ada-lah di-kutip oleh Kerajaan Negeri. Permohonan Ahli Yang Berhormat itu yang kedua ia-itu meminta pengechualian chukai entertainment bagi political party. Saya pun pelek, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu tidak ada lagi parti politik. Jadi walau sakali pun Kerajaan hendak beri untuk kepentingan politik, Ahli Yang Berhormat itu tidak boleh di-beri, sebab dia tidak ada parti politik-nya.

Tentang perkara² X-Filem atau pun filem sex, filem² jenayah dan sa-bagai-nya. Ini sa-bagaimana kita ketahui perkara ini bukan-lah terta'alok di-bawah Rang Undang² ini dan juga perkara ini ada-lah di-dalam kajian dan timbangan Jawatan-kuasa semua parti Parlimen ini. Jadi, tentang perkara ini tidak apa-lah yang saya hendak jawabkan.

Ada Ahli Yang Berhormat mengatakan kenapa Kerajaan tidak jalankan perusahaan filem ya'ani khas-nya Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara. Perusahaan filem ada-lah bebas. Siapa yang hendak masuk membuat filem untuk wayang gambar ada-lah bebas

berbuat demikian. Walau bagaimana pun pehak Filem Negara ada-lah juga membuat filem², terutama sa-kali filem² yang berkenaan dengan pembangunan dalam negara kita ini. Filem Negara yang di-punyai oleh Kerajaan di-bawah Kementerian Penerangan memang-lah ada, tetapi sa-lain daripada itu pehak swasta ada-lah bebas mengusahakan atau pun mengeluarkan filem².

Ahli Yang Berhormat yang penghabisan tadi berchakap berkenaan dengan ya'ani Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, dia kata dia bersetuju dengan filem² sex di-tunjukkan. Dia kata ada bagus-nya. Satu sahaja kurang jelaskan sebab-nya dia kata bagus. Barangkali, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu pergi tengok filem sex ini dia pun hendak charge battery, barangkali battery-nya lemah sedikit, dia tengok filem ini hendak charge battery-nya sebab itu dia sokong. Jadi dalam hal ini nampak-lah ada perbezaan pendapat di-antara Ahli Yang Berhormat itu dengan Ahli² yang lain yang berchakap, barangkali Ahli² Yang Berhormat yang lain itu tidak ada masalah charge battery. Ahli Yang Berhormat dari Ipoh ada masalah sedikit ia-itu battery-nya kurang charge, Tuan Yang di-Pertua.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal² 1 hingga 4 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PELESENAN PERNIAGAAN, PROFESHEN DAN TRED (SARAWAK) (PINDAAN)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya

mohon menchadangkan bahawa suatu Rang Undang² bernama "Suatu Akta bagi meminda Ordinan Pelesenan, Perniagaan, Profeshen dan Tred, Sarawak 1965" di-bacha bagi kali kedua.

Rang Undang² ini bertujuan menyatukan peraturan melesen, dan kadar² bayaran yang di-kenakan ka-atas perniagaan² dan profeshen² yang di-kehendaki di-daftarkan di-bawah Ordinan tersebut.

Di-Sarawak di-mana Ordinan Pelesenan Perniagaan, Profeshen dan Tred (Bab. 33) berkuatkuasa, lesen² perniagaan di-keluarkan tiap² tahun atas pembayaran bayaran² lesen yang di-tetapkan untuk sa-tiap jenis perniagaan di-dalam Jadual Pertama kepada Ordinan itu. Kadar² bayaran itu ada-lah dari \$24 untuk perniagaan² ahli pertukangan hingga-lah setinggi \$400 untuk perniagaan pengilang² papan. Apabila tamat lesen² itu kena di-baharu² dengan bayaran sa-banyak \$5 sahaja.

Di-negeri Sabah, bayaran yang di-kenakan atas perniagaan pada waktu pendaftaran telah pun di-samakan semenjak 1967 dengan bayaran yang di-kenakan di-Malaysia Barat dengan kadar yang serupa sebanyak \$25 untuk semua jenis perniagaan. Apabila tamat lesen itu kena di-baharukan tiap² tahun, dan kadar bayaran untuk membaharu² lesen ada-lah sama dengan bayaran pada waktu pendaftaran, ia-itu sebanyak \$25.

Kerajaan Sarawak telah bersetuju membuat pindaan mengurangkan bayaran lesen perniagaan dan menyatukan bayaran pendaftaran dengan bayaran² yang di-kenakan di-Malaysia Barat dan di-Sabah. Bayaran² yang di-tetapkan di-dalam Jadual Pertama Ordinan Sarawak telah pun di-pinda seterusnya dengan persetujuan Kerajaan Sarawak.

Sebagai langkah selanjut-nya terhadap penyatuan, sa-bahagian peruntukan² Ordinan Sarawak kena-lah di-pinda untuk memberikan persamaan yang lebeh lagi di-dalam peratoran² melesen dengan peratoran² yang di-gunakan di-Negeri Sabah dan Sarawak. Sekshen² kechil (1) dan (2) kepada Sekshen (6) Ordinan Sarawak telah di-pinda di-dalam Rang Undang² dengan tujuan membolehkan pengeluaran lesen² perdagangan bagi tempoh sa-tahun pada mula pendaftaran dengan bayaran sebanyak \$25 dan bayaran

pembaharuan sebanyak \$25 sa-tahun yang dapat di-bayar sechra bayaran ansoran dua kali sa-tahun jika di-mohon.

Rang Undang² ini selain daripada sebagai satu langkah terhadap penyatuan yang lebeh lagi, juga akan meminda lain² sekshen yang berkenaan saperti Sekshen 19 di-mana segala peruntokan mengenai pemulangan bayaran² di-waktu penyerahan lesen, ada-lah di-hapuskan. Jadual keempat kapada Ordinan tersebut ada-lah juga di-pinda dengan chara menggantikan Borang² 1 dan 2 dengan format² baru saperti yang di-kembarkan kapada Rang Undang².

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Dato' Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Latip bin Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun beruchap sa-patah dua bagi mengalu²kan Rang Undang² ini. Dengan ada-nya pindaan² Rang Undang² ini, maka sudah tentu-lah chara borang² baharu yang di-chadangkan telah di-dapati terlebeh sesuai lagi daripada borang pelesen yang lama dengan menggunakan bermacam² soal di-dalam-nya. Kadang² boleh jadi mengelirukan jika sa-saorang yang mengisi borang itu tidak berhati² mem-perhatikan.

Mengikut pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, borang² baharu nampak-nya lebeh ringkas dan lebeh senang di-fahamkan segala perkataan yang terkandung di-dalam-nya serta tidak payah menggunakan kertas yang banyak saperti borang lama dan di-samping itu suka juga saya shorkan kapada Kementerian yang berkenaan supaya chara bayaran lesen perniagaan itu boleh di-bayar sa-chara beransor² tiap² 3 bulan sa-kali supaya dapat merengangkan lagi sadikit kapada pedagang² kechil di-negeri Sarawak serta pula saya berpendapat sa-patut-nya Bahasa Kebangsaan harus juga di-buat di-kepala borang² itu. Kerana sekarang Bahasa Kebangsaan itu tidak kurang nilai-nya dengan bahasa Inggeris di-negeri Sarawak yang telah merdeka lagi berdaulat dan sekarang pun banyak pedagang² dan ra'ayat di-negeri Sarawak faham bahasa Malaysia.

Akhir-nya, saya menyokong di-atas Rang Undang² ini.

Tuan Valentine Cotter (Bau-Lundu): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri mengambil bahagian berkenaan dengan satu Akta bagi meminda Ordinan Pelesenan, Perniagaan, Profeshen dan Tred, Sarawak 1965.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ada-nya pindaan Rang Undang² ini bahawa ra'ayat Sarawak khas-nya akibat dengan kemerosotan harga barang² jualan saperti getah dan sa-bagai-nya tidak dapat modal yang lain² memang susah hendak membayar lesen² itu lebeh² lagi saperti pedagang² kechil di-kampong² luar bandar yang sa-bagai modal kechil sahaja dan pendapatan-nya tidak dapat memuaskan. Kadang kala kena rugi, jadi terpaksa kedai itu tutup. Tuan Yang di-Pertua, bila-kah masa-nya lagi orang² kita yang miskin hendak dapat peluang dan dalam perdagangan ini dengan begitu susah perkara bayaran lesen² itu. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab demikian, saya meminta Kerajaan atau Menteri yang berkenaan menimbangkan rasa perkara ini supaya bayaran profeshen dan tred lesen ini di-hapuskan saperti di-Sabah yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun demikian ada pertolongan bayaran bagi dua kali sa-tahun dan dengan itu, saya menyokong Rang Undang² ini.

Tuan Chen Ko Ming (Sarikei): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I have some observations to make on this Bill. According to the Bill, there is a surcharge equal to the amount of the instalment which has to be paid if any instalment which has become due is not paid. I think the penalty is too heavy. As businessmen are busy people for various reasons they may fail to pay their instalments in time. I hope that the penalty could be reduced.

Mr Speaker, Sir, the Bill mentions that a separate application is necessary for each type of business. I hope this does not mean that fees have to be paid for each type of business as most business in Sarawak are small and many are family business and in order to make the businesses pay they have to do many types of businesses. If they are required to pay fees for each type of business, this will cause hardship to them. Therefore,

I appeal to the Government to collect only one fee for one shop or one company trading under the same name.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan shor Ahli Yang Berhormat dari Mukah supaya Bahasa Kebangsaan di-pergunakan di-dalam borang, perkara ini akan di-siasat dan chuba di-jalankan sa-bagaimana yang sa-harus-nya dalam negara kita.

Berkenaan dengan bayaran lesen minta di-bayar dengan beransor², perkara ini juga akan di-timbangkan. Kalau dapat di-buat, kita jalankan dan kalau tidak dapat apa hendak di-buatkan.

Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu tadi mengatakan ia-itu minta di-hapuskan bayaran lesen sa-bagaimana yang di-buat di-Sabah. Saya suka mengingatkan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu itu telah silap, ia-itu di-Sabah bayaran lesen tidak-lah di-hapuskan, tetapi di-Sabah bayaran lesen itu di-samakan dengan di-Malaysia Barat dan lagi pula Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu serta juga Ahli Yang Berhormat dari Sarikei minta di-hapuskan bayaran lesen ini kerana menyusahkan peniaga² yang kechil. Bayaran lesen ini, saya fikir, tidak-lah banyak, hanya \$25.00 sa-tahun atau pun \$2.00 lebeh sahaja sa-bulan. Ini pun, jika di-bandingkan dengan bayaran yang lama itu jauh lebeh rendah. Bayaran yang lama di-Sarawak itu ia-lah di-antara \$24.00 sampai \$400.00 sa-tahun dan sekarang ini di-kurangkan kepada \$25.00 sahaja sa-tahun. Jadi, bayaran mengikut pindaan yang ada ini ada-lah jauh lebeh rendah daripada yang telah sa-lama ini berjalan di-Sarawak.

Bagitu juga tentang penalti atau pun hukuman kepada pedagang². Maka nasehat saya kepada pedagang², ia-itu daripada minta di-rengankan, penalti atau pun hukuman, lebeh baik-lah pedagang² ini ta'at dan mengikut akan peratoran² serta undang² yang berjalan di-dalam negeri ini daripada tidak memperdulikan undang², melanggar undang², kemudian minta rengankan hukuman.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 6 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² ACHARA KEWANGAN (PINDAAN)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan bahawa Rang Undang² bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Peratoran Kewangan, 1957 di-bacha bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk meminda Sekshen 3 dan Sekshen 8 (3) (b) Akta Peratoran Kewangan, 1972 untuk membolehkan Pihak Berkuasa Kewangan Negeri melaborkan wang yang di-pegang dalam Kumpulan Wang Negeri Yang di-Satukan dalam mana² bank (lain daripada yang di-lesen di-bawah Ordinan Bank, 1958) yang di-daftarkan di-bawah Ordinan Sharikat Kerjasama, 1948 atau yang di-tubuhkan di-bawah mana² undang² bertulis, atau ter-ta'alok kepada kuasa undang² Negeri atau ketetapan Dewan² Undangan dalam sa-suatu pengusahaan dengan mendapat persetujuan terlebeh dahulu daripada Perbendaharaan.

Berhubung dengan ini, perhatian Majlis ada-lah di-tarek kepada HURAIAN dalam Rang Undang² itu di-mana perkataan "subject to prior approval of the Treasury and the authority of State law or resolution of the Legislative Assembly of the State" sapatut-nya di-tulis demikian "subject to the authority of State law or a resolution of the Legislature in any undertaking after consultation with the Treasury."

Mengikut peruntukan sekarang dalam Akta Peratoran Kewangan, 1957, Negeri² di-benarkan melaborkan wang yang di-pegang-nya hanya dalam bank² yang di-lesen di-bawah Ordinan Bank, 1958, dalam

"securities" yang telah atau akan di-keluarkan oleh Kerajaan Persekutuan, atau dalam mana² pelaburan yang di-luluskan di-bawah Trustee Ordinance, 1949 atau Trustee Investment Act, 1965. Ini menyekat Negeri² kerana Negeri² tidak dapat melaksanakan penanaman modal mereka dengan chara melaborkan wang mereka dengan bank² sa-lain daripada bank² yang di-lesen di-bawah Ordinan Bank, 1958, atau pun dengan mana² pengusahaan. Ini juga menyebabkan kerugian hasil yang mungkin akan di-perolehi oleh Negeri² kerana wang yang di-laborkan dengan bank² lain dan pengusahaan² lain membawa faedah yang lebih tinggi. Untuk menghapuskan sekatan² ini ada-lah perlu untuk di-pinda ta'arif "bank" di-bawah Sekshen 3 Akta Peratoran Kewangan, 1957 supaya termasuk juga bank² lain yang berdaftar di-bawah Ordinan Sharikat Kerjasama, 1948, atau di-tubuhkan di-bawah mana² undang² bertulis yang di-luluskan oleh Menteri. Ada-lah perlu juga di-pinda Sekshen 8 (3) (b) dengan menambahkan satu perenggan kechil (iv) baharu yang berbunyi: "subject to the authority of State law or a resolution of the Legislature in any undertaking after consultation with the Treasury."

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagi Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal² 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² KUMPULANWANG DI-SATUKAN (PERBELANJAAN MASOK AKAUN)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan bahawa Rang Undang² yang bernama suatu Akta bagi menggunakan sa-jumlah wang daripada Kumpulan Wang Di-Satukan untuk perkhidmatan bagi tahun perkhidmatan yang berakhir pada tiga puluh satu haribulan Disember, 1973" di-bacha bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk mendapatkan kebenaran sementara bagi perbelanjaan Kerajaan bagi beberapa bulan pada awal tahun 1973 sa-hingga Rang Undang² Perbekalan, 1973 di-luluskan oleh kedua² Dewan dan mendapat Persetujuan Di-Raja pada tahun hadapan. Peratoran ini ada-lah mengikut Perkara 102 (a) Perlem-bagaan.

Rang Undang² ini ia-lah untuk membenarkan pengeluaran daripada Kumpulan Wang Di-Satukan jumlah wang sa-banyak \$709,460,010 yang di-anggarkan mustahak bagi perkhidmatan Kerajaan untuk tempoh empat bulan yang pertama dalam tahun 1973. Jadual kapada Rang Undang² ini menyediakan peruntokan² bagi perkhidmatan² tertentu untuk masa itu yang tidak termasuk Kepala Bekalan 60—Jabatan Talikom yang akan di-biaya² oleh sumber²nya sendiri mengikut Bahagian IIA Akta Talikom, 1950. Perbelanjaan yang di-chadangkan dalam Rang Undang² ini tidak termasuk perbelanjaan tanggungan yang sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alom, tidak di-kehendaki untuk di-luluskan oleh Rang Undang² Perbekalan tahunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Dato' Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan V. Veerappen: Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini di-minta meluluskan wang sa-banyak \$709,460,010 tetapi nampak-nya Dewan ini tidak ada quorum sekarang.

(*Loching di-bunyikan, Ahli² di-kira, 26 Ahli hadir*)

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian dalam perbahathan ini. Saya minta izin menchamporkan perchakapan saya dalam dua bahasa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya harap Ahli Yang Berhormat boleh berchakap dalam Bahasa Kebangsaan, kalau susah sedikit, boleh-lah di-terangkan dalam bahasa Inggeris.

Tuan Lim Kit Siang: Rang Undang² ini meminta perbelanjaan sa-banyak \$709,460,010 kerana bekalan bagi tahun 1973 tidak akan di-luluskan oleh Parlimen sa-hingga sampai bulan Januari, 1973. Saya akan berchakap sedikit atas beberapa Kepala.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Adakah Ahli Yang Berhormat hendak berchakap berkenaan dengan detail atas perbekalan Kepala² atau berkenaan dengan apa?

Tuan Lim Kit Siang: Atas perkara umum.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Rang Undang²—Expenditure on Account ini ia-lah sa-bagaimana yang di-terangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kerana hendak meminta kelulusan Dewan bagi sementara kita meluluskan Supply Bill, jadi lazim-nya tidak-lah kita debate atas polisi atau pun detail. Polisi dan detail-nya akan di-bahathkan bila di-bawa Supply Bill kelak. Chuma sekarang ini boleh di-bahathkan, ada-kah Ahli Yang Berhormat bersetuju hendak memberikan peruntukan sa-bagaimana yang di-chadangkan dalam Rang Undang² ini ia-itu mengikut Artikel 102 (a) dalam Perlembagaan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta keterangan, boleh-kah kita bahathkan pada umum-nya untuk permintaan sa-jumlah wang yang di-untukkan atas beberapa peruntukan (various allocations) yang akan di-gunakan kelak?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Lazim-nya tidak di-bahathkan, sebab pehak Kerajaan tidak mengemukakan memorandum memberikan detail² itu untuk Ahli² Yang Berhormat membahathkan polisi

Kerajaan. Barangkali Ahli Yang Berhormat maseh ingat lagi pada tahun lalu kita buat bagini juga. Chuma kalau hendak di-tegor, ada-kah bersetuju atas prinsip kapada peruntukan perbelanjaan lebeh kurang empat bulan sa-bagaimana yang di-chadangkan dalam Bill ini sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kaseh.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap sedikit dalam peruntukan yang telah di-bentangkan tadi

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Adakah Ahli Yang Berhormat dengar dan faham atas tegoran saya tadi?

Tuan Goh Hock Guan: Saya faham. Boleh-kah saya bertanya kapada Tuan Yang di-Pertua, kalau saya kemukakan Kepala B. 43 ia-itu Peranchang Bandar dan Kampong peruntukan di-sini ia-lah \$247,000. Wang ini, saya perchaya, tidak menchukopi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Betul-lah peruntukan ini bagi tiga empat bulan sahaja. Bukan bagi sa-tahun!

Tuan Goh Hock Guan: Ada-kah ini boleh di-bahathkan atau tidak?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Chuma yang hendak di-tegor, ada-kah bersetuju atas prinsip (principle bagi Dewan ini hendak meluluskan perbelanjaan sa-bagaimana yang di-minta oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Kalau hendak menegor dengan chara am itu, boleh. Kalau atas butir² (details) tidak boleh.

Tuan R. C. M. Rayan: (*Dengan izin*) Would I be permitted to touch generally on a few of the various aspects?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Well, you cannot touch on the details to begin with. On the policy, this is not a policy debate on the Supply Bill. This is only a Bill to enable the Government to have funds in order to start working before the Supply Bill is finally passed by the House. Members can comment generally on the principle of appropriating funds in this manner—the Constitution provides that. I mean you can make general remarks on the policy whether

it is a good scheme or not but not to go into absolute details. We will be debating the principle of the whole of the Supply Bill, which is normally debated at the time when the Supply Bill is presented to the House.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, I fully support this Bill in order to enable the Government to proceed with its business for the time being until the Supply Bill itself is passed later on. I fully endorse it.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Thank you.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Saya ada-lah menyokong dengan sa-penoh²-nya di-atas Rang Undang² ini oleh kerana Rang Undang² Perbekalan bagi tahun 1973 tidak akan di-luluskan oleh Parlimen sa-hingga sa-lepas bulan Januari, 1973 maka per-untukan ini mesti-lah di-luluskan sekarang. Jikalau tidak, maka ranchangan luar bandar atau Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua itu tidak dapat kita belanjakan. Maka dengan sebab itu, saya ada-lah menyokong dengan sa-penoh²-nya.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan sa-bagai menggulong perbahathan ini ia-itu Dewan ini akan berpeluang membahathkan Supply Bill apabila di-adakan sidang budget nanti. Chuma yang kita hendakkan ini ia-lah sa-bagai precaution, ia-itu jika sa-kira-nya pada 31hb Disember tahun 1972 ini, kita belum lagi dapat meluluskan budget, ini bererti sa-lepas daripada 31hb Disember, 1972 tidak ada satu sen pun Kerajaan Pusat boleh membelanjakan bagi di-bayar untuk segala²-nya. Rang Undang² ini ada-lah sa-mata² untuk membolehkan Kerajaan mengeluarkan terus perbelanjaan-nya untuk beberapa bulan sa-lepas 31hb Disember, 1972 ini, sa-hingga-lah Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara meluluskan Rang Undang² yang sa-benar-nya kelak. Bill ini hanya-lah membolehkan perbayaran di-teruskan. Jadi tentang polisi budget, dan segala²-nya itu akan di-bahathkan apabila di-bentangkan Rang Undang² pada kira² akhir tahun ini, atau pun bersambong pada awal tahun 1973 nanti.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PIAWAIAN (PINDAAN)

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan ia-itu Rang Undang² Akta Piawaian (Pindaan) tahun 1972 di-bacha bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk membuat pindaan yang perlu kapada Sekshen 2, 6, 7, 8, 9 dan 12 dalam Undang² Standards, 1966 yang ada sekarang. Pusat Piawaian Malaysia (Standards Institution of Malaysia) atau rengkas-nya SIM di-pindahkan daripada tanggung-jawab Kementerian Perdagangan dan Perusahaan kapada tanggung-jawab Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan mulai daripada bulan Februari tahun 1972. Dengan yang demikian, perkataan "commerce and industry" yang terdapat dalam ta'arif "Minister" dalam Standards Act, 1966 itu tidak-lah sesuai lagi dan perlu di-pinda.

Sekshen 6 dalam undang² itu juga perlu di-pinda supaya antara lain² wakil² daripada beberapa Kementerian Kerajaan menjadi ahli Majlis SIM itu tidak payah lagi di-lantek tiap² sa-orang oleh Menteri-nya masing² ia-itu suatu procedure yang amat inconvenient. Tetapi sa-balek-nya mereka itu akan di-lantek oleh Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan.

Pindaan kapada Sekshen 7, 8, 9, dan 12 dalam Rang Undang² Standards Act 1966 itu ada di-buat dengan tujuan memperbaiki dan mengemaskan peruntukan² tersebut.

Sekian-lah huraian ringkas mengenai Rang Undang² ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan supaya di-luluskan usul ini bagi bacaan kali yang kedua.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil perhatian Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan berkenaan dua perkara sahaja.

Pertama sa-kali ia-lah berkenaan wakil² (representatives) daripada badan² yang di-lantek dalam council ini dan saya dapati dalam senarai Jadual ini tidak ada sa-orang pun wakil daripada Building Contractors Association dan ini satu omission yang saya harap Menteri yang berkenaan itu boleh-lah mengatasi-nya.

(*Dengan izin*) Sir, this is important in view of the fact that a lot of new buildings are being put up these days, and in view of the tragic collapse of the four storey flats in Jalan Raja Laut in Kuala Lumpur not too long ago, which caused the loss of lives—quite a number of lives were involved—it is essential, Sir, that the contractors, especially the younger and inexperienced contractors, not only in Kuala Lumpur but throughout the country, and there is a lot of building activities these days in view of the Second Malaysia Plan, that certain minimum standards be achieved by these contractors. Therefore it is essential, Sir, that there should be a representative from the Building Contractors Association to come and serve in this Council so that better minimum standards of building construction could be laid down in order to protect and safeguard the public interests and also to make sure that a collapse like the Jalan Raja Laut type does not recur.

Secondly, Sir, on the question of standards of locally produced goods. Now, Sir, with the increasing number of local industries in this country, it is important that our locally produced goods establish, if not an equal

reputation in respect of quality as the goods that we import from overseas, but at least minimum standards of health must be there where canned food stuffs, for instance, are concerned. There must be a minimum standard of performance where building materials are manufactured locally; we must lay down certain basic minimum standards consonant again with the safety of the material, fire-rating, durability, structural performance and so on. So these are standards which I hope this new Standards Council will look into. So far this has not been done, and I am afraid, Sir, that if we do not attend to this matter, a lot of shoddy goods and defective materials would be produced unless such safeguards are ensured.

Then, Sir, on the question of standards for low-cost housing. I hope the Government and the Standards Council here, again, would look into certain basic standards where the accommodation of low-cost housing is concerned to ensure that the poorer section of the people whom we are trying to house should be accommodated with a degree of convenience and also a degree of comfort, at least where the ventilation of their rooms is concerned. Right now, Sir, a lot of low-cost flats which have been built are nothing better than a lot of concrete cubicles and concrete hot houses, which contribute to a great deal of discomfort and could lead to physical illness of one kind or another. So I hope a better standard of accommodation could also be looked into where the low-cost housing is concerned, and here, I believe, it comes within the portfolio of the Minister of Home Affairs.

Then, Sir, where the architects are concerned, a representative of the Professional Association or Institution of Architects of Malaysia is going to be invited to serve in this Council, and therefore, speaking as an architect, Sir, I support this fully. Thank you.

Tuan Hor Cheok Foon (Damansara): (*Dengan izin*) Finally, we find a Bill to set the minimum requirements of what we have—of products, of environment and whatever we are going to write on, we are going to live in and we are going to use. I hope the Standards Council will take into consideration the principle on the environmental requirements of our country whereby those standards are quite universal, but because of basic national economic needs, we have to establish our standards in a set of different

values and which will be suitable and beneficial to us. We have heard just now a fellow Honourable Member speaking on standards for houses. In foreign countries, for instance, the minimum height of a building is, say 10 feet, but in our country, probably it is 8 feet. This has taken into account the fact that our Malaysian people are shorter in height, and also if we cut short by 2 feet every floor in a building, probably we will end up with a few floors more. That is to say we have a few more units for the same amount of material and labour which we put into a building. We understand that the standard building by-laws of this country are under the process of drafting and finally it will be presented. I hope that this process will be fast enough to catch up with the development and the tempo of our economic development in this country. Most of these details in this standard building by-laws should be able to govern our requirements in the most suitable and most fitted way.

Sir, in our daily life, we find some of our products, though locally made, appear to have foreign labels. You will even find some of the cigarettes, even though they are all made in Malaysia, however, under some disguise, it says "made under the licence of" such and such a company with the word "U.S.A." or the word "U.K." This is a sure case whereby our own people will not even trust the standard that is going to be established in Malaysia and the word "Malaysia" seems to be an inferior label or hallmark compared to the foreign names like U.S.A., U.K. and so on and so forth. Therefore, I would like to urge the Government, once and for all, to get rid of this irregularity and make sure that the words "Made in Malaysia" or the products of Malaysia stand up as a form of confidence and quality in whatever goods that are labelled, because it does pay whereby the word "Malaysia" or the product of it, should gain confidence not only in our own country but in foreign countries, because our products, either primary, secondary or highly industrialised will eventually have to depend a lot on foreign markets and if the foreign markets have no confidence in whatever we produce, either we fetch a very low price or a very uneconomical price, or we do not sell our products at all. Therefore, how can we gain foreign capital or foreign currency if millions and millions of dollars have to be spent and have to be approved by

this Parliament because what we have in his country are limited. The world is our market and if we sell to the world I can predict that our Minister of Finance will be happy because he would have more money to play with than what it is the case today.

Finally, I would come back and submit that if goods marked "Made in Malaysia" are to sell overseas or in the world market, then we must establish a standard which is not only equal but maybe superior to what has already been established overseas.

Dr Chen Man Hin: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya hendak mengingatkan sa-kali lagi kepada Ahli² Yang Berhormat yang hendak minta izin berchakap dalam Bahasa Kebangsaan. Saya perhatikan kerap kali, walau pun saya telah memberi pesanan dahulu, bila Ahli² Yang Berhormat hendak berchakap dalam bahasa Inggeris, dia tidak sebut minta izin lebeh dahulu, terus dia berchakap dengan tidak menanti dan mendengar daripada Tuan Yang di-Pertua, ada-kah keizinan itu di-beri atau pun tidak. Jika sa-kira-nya ada berlaku di-atas perkara ini pada masa yang akan datang, saya akan mengambil ingatan tidak akan memberi izin. Apabila meminta izin, hendak-lah di-nanti dan di-dengar dahulu, ada-kah Tuan Yang di-Pertua, memberi izin atau tidak.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berchakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Di-izinkan.

Dr Chen Man Hin: Terima kaseh. Akta Piawaian ini ada-lah satu Akta yang bagus, sebab kalau semua barang² yang di-buat di-dalam factory di-negara ini, kalau ada satu trade mark SIM, saya ingat semua consumers di-negara kita akan menerima dengan sukacita-nya menggunakan tanda SIM seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita pergi ka-kedai² di-Kuala Lumpur, Seremban atau Melaka, saya nampak ta' ada berapa banyak barang yang di-buat di-negara ini yang ada mempunyai trade mark SIM walau pun

Undang² Piawaian sudah di-tubuhkan sa-lama satu tahun. Oleh yang demikian, sunggoh pun sudah di-tubuhkan, sa-lama ini barang² kita tidak ada chap atau tanda SIM, dan consumer² tidak berpuas hati dan tidak tahu sama ada barang² itu ada mempunyai quality atau pun tidak.

(*Dengan izin*) I do not like to cast aspersions on the Ministry concerned but in the interests of the consumers in this country I feel that every effort should be made to see that all goods manufactured, produced, made or composed in this country have the identification mark of "S.I.M." or some similar equivalent. S.I.M. must not be seen to be just a mere propaganda move on the part of the Government to pull over a fast one and let the consumers absorb or buy inferior quality goods. Therefore, I would like to ask the Minister concerned whether he has insisted on a time limit for all manufacturers to submit their goods or their products for analysis, examination or standardisation by this Institute to ensure that all products made in this country have the S.I.M. trade-mark. For example, I see that there is no representation here on the Council from the Health Department or the Health Institute.

Mr Speaker, Sir, food is one of the most necessary items in the daily diet of the ordinary Malaysians and yet we have food products made in this country, bottled products, whose quality is uncertain and where the S.I.M. trade-mark is absent. I do not like to quote any particular product because this will be unfair; probably most of the manufacturers are unaware that they should have or are required to have the S.I.M. verification.

But let us go to an ordinary shop. You buy a bottle of local-made bottled chilli. Is there the S.I.M. chop? Or a bottle of locally bottled jam. Is there the S.I.M. chop? Or a plastic toy made by a local factory. Is there a S.I.M. chop? Sad to say, most of these products do not have the S.I.M. standards identification. Comparisons with another country is odious, but it is necessary in the interests of the public, the consumers to protect their health and well-being. I think it is necessary to say that in America, they have a Food and Drugs Association whereby every product which is sold to the consumer, made in America or even imported from other countries, must go through a rigorous

analysis and test of that particular Association. Because of the attention, the zeal and the care which this Food and Drugs Association has shown in the past, they have managed to identify drugs and foods which would otherwise have caused serious damage or serious harm to their health.

Saya mengalu²kan Rang Undang² yang kita tunggukan² ini, Tuan Yang di-Pertua dan saya berfikir Rang Undang² ini timbulnya di-atas kesakitan pekebun² kecil kita dan juga Kerajaan kita sudah mengalami kerugian yang sangat besar daripada hasil pengeluaran getah. Saya juga menguchapkan tahniah kepada Jawatan-kuasa Rama Iyer

dan Ahli² yang membuat satu shor yang agak lengkap, chuma satu dua perkara sahaja mereka ini tidak sentoh ia-itu perkara² yang sensitif berkenaan dengan orang² yang mempunyai harta yang besar² di-estet², mereka tidak menunjukkan kelemahan dan pehak estet tidak bekerjasama bagi membantu sa-chara realistik dan bertanggung-jawab terhadap saudara² mereka itu yang sentiasa menderita ia-itu kalangan pekebun² kecil.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lama ini kedudukan nasib pekebun² kecil memang terbiar. Sunggoh pun mereka mengeluarkan getah dan memberi hasil kepada Kerajaan, tetapi sunggoh aneh dalam negara kita ini di-mana pekebun² besar di-pegangi oleh pehak kapitalis serta di-modal oleh orang² asing dan mereka langsung tidak memberi kerjasama dengan pehak pekebun² kecil.

Saya langsung tidak risau di-atas jatohnya harga getah, Tuan Yang di-Pertua, dan saya yakin dan perchaya dengan kuat-nya sa-lagi ada matahari dan bulan, getah kita mesti laku dan sa-lama itu-lah Kerajaan kita akan bergantung tegoh kepada hasil keluaran getah ini. Tadi sudah pun terang dalam kenyataan yang telah di-berikan oleh Yang Berhormat Menteri ia-itu pada masa yang sudah² Kerajaan mengharap²kan banyak sangat kepada private sector menjaga dan memupok hal ehwal getah daripada tanamannya sampai ka-pemasaran-nya. Di-sini kita nampak, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah pekebun² kecil di-timpa dan di-himpit sangat berat, terutama sa-kali daripada pembeli² getah ia-itu apabila di-jual sahaja getah mereka terus hilang sampai 6½ sen pada tiap² paun dan Menteri tadi telah menyatakan di-sini ia akan menjaga dengan kuat-nya supaya 6 sen ini akan di-pelihara ia-itu dengan tegas-nya harga getah kalau di-kampung sekarang 25 sen. Maka dengan ada-nya Rang Undang² ini di-luluskan oleh Parlimen, harga getah di-kalangan pekebun² kecil boleh dapat sampai 31 sen. Ini adalah menolong besar kepada pehak pekebun² kecil yang dudok-nya menderita di-luar² bandar.

Kita selalu tengok, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita hantar wakil² kita keluar negeri, kita minta supaya getah² kita di-beli oleh bangsa² lain. tambahan pula kita selalu hantar Gan Teck Yeow, Liew Sip Hon dan sa-bagai-nya, orang² ini sahaja berulang kali

pergi dan saya berpendapat ada-lah "gun" tembakan-nya barangkali sudah pun berkarat dan "horn" ini pun apabila berbunyi tidak ada bunyi-nya lagi. Saya harap dan memberi pandangan yang berat kepada Yang Berhormat Menteri, lain kali kalau hendak hantar, mesti-lah hantar dan tukarkan orang itu sa-kali sa-kala supaya kita jangan tumpukan pada satu perkara yang bagini besar, yang menjadi national issue kepada beberapa kerat manusia dalam tanah ayer kita ini, terutama sa-kali orang yang ada personal interest. Dan bagi kita ini ada-lah terang dan nyata, Tuan Yang di-Pertua, umpama-nya pemasaran beras, pada ketika dahulu tidak berjalan begitu baik dan terator apabila kita beri satu tanggungjawab kepada sa-orang Ahli Yang Berhormat, Wakil Ra'ayat yang Pengerusi-nya tidak lain dan tidak bukan ia-lah Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam, soal ini hampir beres, getah belum lagi. Jadi kita di-sini pun tengok Menteri maseh mengharapkan lagi pehak official dan pehak² private sector. Saya memberi kenyataan tegas kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, jangan harap sangat kepada official², mereka ini menulis pandai, gaya lebeh, tetapi bekerja tidak sampai ka-mana. Apabila orang² ini di-letakkan dengan orang² berniaga, mereka berlagak boleh, tetapi hasil-nya kurang sa-kali. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, Pengerusi Jawatan-kuasa ini, saya dengan tegas-nya mengshorkan ia-itu mesti-lah datang-nya daripada Wakil Ra'ayat. Barang di-ingat, Tuan Yang di-Pertua, kami pun daripada pehak Wakil Ra'ayat yang mana 25 orang daripada kami memang menjadi Pengerusi Chawangan dan Bahagian Pekebun² Kechil dan pilih-lah mana yang suka, muka yang jerneh sedikit kepada pehak Menteri. Sa-lagi kita letakkan kepada pehak official, saya sudah dengar, Tuan Yang di-Pertua, Menteri sudah pun mengambil langkah yang utama melateh beberapa pegawai² yang baharu sahaja keluar daripada universiti, pergi menjual getah kita kepada seluroh negara. Saya rasa, harapan-nya terlampau tipis getah kita ini akan naik harga-nya dan berfaedah tegas-nya kepada pekebun² kechil dan juga sektor² yang lain.

Saya hairan, Tuan Yang di-Pertua, mengapa getah kita tidak naik, tetapi telah di-janjikan oleh Menteri tadi barangkali dia kata ada synthetic market ia-itu

buatan sahaja di-tekan oleh sa-tengah² orang itu supaya getah ini turun. Baharu² ini, kawan saya daripada negeri China hendakkan getah banyak. Saya ada surat di-hadapan saya menyatakan pehak Brazil hendak membeli getah berapa banyak sa-kali pun mereka hendak beli, tidak payah official pergi. Saya dudok di-Tanjong Tualang pun banyak yang order getah. Jadi sekarang soalan yang datang ini, berapa mereka itu boleh membayar. Ini tidak susah. Mengapa pada kebelakangan ini getah kita turun? Jadi tentu ada salah di-mana². Ada orang yang memegang perkara ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap orang² yang sabotaj perusahaan ra'ayat jelata dan sabotaj perusahaan negara kita ini, barangkali boleh di-luchutkan kera'ayatan mereka itu untuk kepentingan negara, jangan kita ragu²kan lagi.

Saya yakin dan perchaya, Tuan Yang di-Pertua, yang sudah² ini Kerajaan barangkali ada segan dan silukan juga kepada pehak yang menguasai getah ini, oleh sebab itu-lah Kerajaan memerhatikan dan lama kelamaan dengan desakan daripada pehak pekebun² kechil dan juga sa-tengah² pehak yang lain Kerajaan sekarang sudah melangkah tegas ke-hadapan mengambil langkah yang sangat² wajar dan boleh-lah di-puji.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan kelmarin telah menyatakan Singapura tidak ada 200 batang pokok getah, tetapi marketing-nya di-kontrol oleh Singapura. Saya rasa malu, kita tidak ada mata kepala-kah? Kita pandai menanam getah, begitu susah, tetapi orang² lain dudok berhawa-dingin dengan sejok di-London, di-Singapura, senang sahaja memainkan ra'ayat jelata kita hampir² bermatian berusaha mengeluarkan perusahaan utama ini dalam negara kita. Saya sangat sukachita Kerajaan sudah sedar dan mengambil langkah² yang bersesuaian supaya tenaga dan usaha ra'ayat kita yang sa-bahagian besar itu dapat sa-imbang dengan usaha dan tenaga yang mereka keluarkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan hendak mengadakan hevea crumb factory di-sana sini, Menteri telah menyatakan terlebih dahulu tadi. Saya suka juga hendak menyatakan di-sini supaya berhati². Membuat factory memang senang, boleh keluar

duit kerana cess fund kita banyak. Barang di-ingat dalam tahun 1958 dahulu pun RIDA sudah membuat beberapa factory yang sademikian itu untuk memproses getah keluaran pekebun² kecil di-kampung. Mula²-nya datang pak haji, pak lebai mendo'a dan sebagainya, semua-nya elok, 3 hari elok, sa-bulan saya dengar lain, 6 bulan bukan-nya seperti yang telah di-janjikan dahulu getah itu mesti-lah daripada kampung jual terus ka-London, daripada kampung di-hantar ka-New York, daripada kampung terus di-hantar ka-negeri China, tetapi bukan di-hantar ka-negeri China bahkan di-hantar kepada Lee, hantar kepada Joo Seng dan sebagainya. Duit pun ambil daripada orang itu, kemudian datang-lah cerita yang tidak begitu menyedapkan, nama RIDA pun bertukar daripada RIDA ka-MARA dan mereka pun hendak tukar daripada kilang kecil itu konon-nya kilang itu tidak berjalan begitu terator, tidak ada ekonomik, membuat hevea crumb pula, hari itu boleh ekonomik, kemudian pula tidak sampai sa-tahun tidak ada ekonomik. Di-mana-kah expert² ini yang senang bertukar chorak?

Saya chukop² berasa dukachita memerhatikan telatah mereka ini. Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, barang di-ingat dalam social standing kita, perniagaan getah ini di-pegang oleh sa-bahagian kecil daripada orang² yang kita tahu ia-itu Lee, Joo Seng dan sa-bagai-nya. Orang ini boleh senang sahaja memutar kepala orang kampung, barangkali sampai kepada Kerajaan pun mereka boleh pegang, kalau kita biarkan. Oleh sebab itu, kita mesti-lah berjaga². Undang² memang baik, tetapi hendak implementationkan, itu satu masaalah yang sangat² rumit dan sangat² besar kalau kita tidak berani, kalau kita tidak tabah, undang² ini akan di-simpan dalam peti sejok sahaja.

Saya sangat sukachita mendengar warning daripada Menteri yang berkenaan, kalau mereka ini chuba menjadi penghalang kepada national issue, beliau akan mengambil tindakan yang sewajar-nya. Sejuk rasa dalam hati-perut saya, tetapi sama ada perkara ini berpanjangan atau tidak, saya tidak tahu.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan terlebih dahulu tadi ada-lah Rang Undang² ini barangkali tujuan utama-nya ia-lah hendak menolong pekebun² kecil. Daripada mula kita sudah tengok ia-

itu chakapan sahaja hendak menolong pekebun² kecil kerana wakil-nya yang akan menduduki dalam Jawatan-kuasa sudah terang dan nyata ia-itu 2 daripada wakil estet dan 2 daripada pekebun² kecil. Yang menderita-nya ia-lah pekebun² kecil, estet kalau tidak ada wakil pun tidak apa. Getah jatuh macham mana pun, hari ini mereka untong, mereka jual di-sini harga lain, di-sana harga lain, tetapi ada pula credit note dari London dan Amerika. Menteri kena-lah bertegas dan bersungguh² yang marketing ini di-pegang oleh pihak Kerajaan sahaja tidak ada siapa yang boleh menjual getah ini daripada negeri ini keluar negeri. Kalau tidak ada, ada negeri², saya tahu, barang² yang utama-nya di-buang ka-laut, di-bakar dan sa-bagai-nya. Kalau mereka boleh bakar supaya economic standing buoyant mengapakah kita tidak, Tuan Yang di-Pertua? Ini kita mesti fikir. Kalau mereka itu boleh jual terus, saya rasa rosak-lah kita. Wakil yang terus-nya ia-lah pekebun² kecil hendak bagi 2 orang, orang yang tidak kena apa² pun dengan estet hendak bagi 2 orang—buat apa dudok sana. Estet ini kita tahu sangat. Pergi ka-London, dia pakai satu topi lain, topi dia barangkali topi bulat, di-sini pula dia pakai topi pak haji, pak lebai, konon-nya mereka ini sangat²-lah alim, tetapi mereka ini-lah yang menjahanamkan ekonomi kita. Ini mesti-lah Menteri berhati² di-atas perkara ini dan saya dengan tegas-nya sa-kali lagi oleh sebab pekebun² kecil yang mengeluarkan hasilnya ada-lah 60% daripada getah dalam tanah ayer kita ini hendak di-beri 2 wakil, orang estet besar 40% hendak bagi 2. Apa keadilan ini? Yang menderita-nya pekebun² kecil, yang hendak tolong pekebun² kecil, bagi wakil 2 juga, orang yang tidak menderita bagi 2 juga. Jadi saya rasa tidak patut dan saya tegaskan sa-kali lagi yang penting sa-kali ia-lah Pengerusi-nya. Kalau di-bagi juga wakil Kerajaan, maka rosak-lah ranchangan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 (3) dalam Rang Undang² ini menyatakan:

Maka hendak-lah di-lantek atau dinamakan, mengikut mana yang berkenaan, mengenai tiap² sa-orang ahli Lembaga itu, lain daripada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi sa-orang ahli gilir

Ahli gilir ini nampak-nya orang tidak tegas di-atas pendirian satu². Kami, Tuan Yang di-Pertua, daripada private sector kalau kata Pengerusi, itu sahaja, gilir tidak ada. Jadi mereka ini tidak mengambil berat di-atas satu usaha dan tenaga. Kalau hendak pergi main golf atau ka-mana, di-ambil Timbalan Pengerusi. Kalau hendak pergi ka-Singapura makan angin ada pula orang ganti. Jadi di-situ tidak tegas dalam arahan dan Menteri hendak-lah menggunakan perkataan orders kepada mereka menjalankan tugas ini for the sake of national issue. Baharu boleh jadi. Ini hendak ada pula ahli gilir-nya. Jadi kalau hendak pergi tengok wayang gambar, maka di-gantikan orang lain. Walhal perkara ini sangat² vital to the needs of the country. Jadi kita ambil satu Chairman sahaja, ahli gilir tidak ada. Bukan Pengerusi gilir sahaja bahkan tidak ada ahli gilir. Baharu-lah kita nampak gambaran yang tegas ia-itu Bill ini ada tujuan-nya hendak menolong orang² yang susah dan hendak menolong negara dan bangsa.

Saya sekali lagi menegaskan, Tuan Yang di-Pertua, bagi penutup Menteri mesti-lah berhati² di-atas perkara ini ia-itu di-atas hal ehwal marketing. Kalau di-benarkan lesen 2 pehak menjalankan perusahaan membeli susu atau getah di-dalam satu tempat, jahanam-lah juga akhir-nya ranchangan Kerajaan hendak menolong hamba ra'ayat terutama sa-kali di-luar bandar atau pun orang² yang tidak begitu bernasib baik. Saya harap di-mana² sa-kali pun fasal tauladan kita sudah ada, Tuan Yang di-Pertua, di-mana ada conflict of interest Kerajaan tidak tahan. Kerajaan sa-bagaimana yang kita ketahuī bukan-lah orang perniagaan, walau pun ia menjalankan dengan terator, tetapi apabila sampai kepada business, dia tidak-lah berjaya.

Kita tidak harap itu pun, yang kita harap dari Kerajaan ia-lah menjagakan satu undang² itu di-jalankan dengan baik dan terator untuk faedah ra'ayat jelata, terutama sa-kali orang yang tidak begitu bernasib baik di-luar bandar. Orang yang menoreh getah sekarang, Tuan Yang di-Pertua, bukan senang. Di-kampong² dapat 30 sen, 40 sen sahaja pada satu famili. Jadl dengan adanya Rang Undang² yang di-luluskan, saya telah menyatakan terlebih dahulu tadi, orang² yang tidak bernasib baik ini akan

mendapat untong yang lebih besar dan akan berterima kaseh-lah kalau sa-kira-nya peringkat implementation stage itu di-jalankan dengan chara tegas dan berani.

Tuan V. Veerappen (Seberang Selatan): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, I am glad that the Government has at last awakened to the need to reorganize the rubber marketing and other aspects of the rubber industry in our country, but as the Member for Larut Utara said, why has not the Government taken this action before? Why has the Government been so late?

Mr Speaker, Sir, the Minister for Primary Industries, when he moved this Bill, said that all this while we have been getting a fair return. Rubber has been bouncing, therefore we did not bother. Mr Speaker, Sir, perhaps the Minister is a new Minister and he is not aware that this is a crisis which this country goes through almost every 10 years.

Mr Speaker knows better than most people in this House, because we have had this crisis in the rubber industry. We have had it before, in 1959 when the price of rubber was so low and this side of the House made so many suggestions but they were all pooh-poohed at that time. Mr Speaker, Sir, even at that time when we made suggestions that we should do direct marketing with Socialist countries—Europe, Russia and China—we were also pooh-poohed. We were told that when we come into power we could do it. Yet in other countries they have realised it, and they are doing it. But, Mr Speaker, Sir, you will agree that these amendments which are being brought, and although the Primary Industries Minister said that they have 5 Bills, they merely scratch the top and they will never solve the problem.

Mr Speaker, Sir, we were not given the opportunity to debate the Statement which was made by the Finance Minister which covers the overall aspects of what the Government proposes to do in the various Bills and, the Minister who moved this Bill today has touched on it here and there and, therefore, I must crave your indulgence and the indulgence of the House to refer to the speech of the Minister of Finance.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: As the Honourable Member is aware there are five Bills presented to the House covering the rubber industry and whatever the Honourable Member would wish to refer in the Finance Minister's speech in relation to this particular Bill, please confine it to the principles which are related to this particular Bill which is now being debated. Please continue.

Tuan V. Veerappen: I am much obliged, Mr Speaker, Sir, but that is why I begged your indulgence especially in view of the fact that the Minister of Primary Industries has also dwelt on several aspect of it and I hope if we should stray a bit, you would grant us your indulgence.

Mr Speaker, Sir, as I said, even this particular Bill, which is here to make provision for the establishment and incorporation of the Malaysian Rubber Exchange and Licensing Board and for matters connected therewith, is disappointing as it is weak and feeble. As the Member for Larut Utara said, one would not know whether this Bill will give the Government the power to tackle our basic problem—that is the problem that faces our smallholders.

One of the things, as the Minister pointed out is that there is manipulation in the market. Even the Director of R.R.I. about two weeks ago said that there is manipulation and exploitation of smallholders, but here I do not see any provision for the purchase of smallholders' rubber.

Mr Speaker, Sir, as you would agree, as this House would agree, the big estates are able to take care of themselves. They have got their agency houses and years and years of experience. They have the market, they can sell the rubber directly; they can produce, process and sell it at their own price—they can even fix their own price.

Mr Speaker, Sir, the large estates own about roughly one-third of the total rubber acreage in our country and our smallholders own about double that. But the amount of rubber which these estates produce is very much more. They produce more than half although they own about one-third of the acreage. This one-third acreage is a very large proportion, which is the size of Negri Sembilan. Imagine foreigners owning the whole of Negri

Sembilan. That is the amount the foreign companies, mostly European and British, own in our rubber lands in this country. That is the size, that is the amount of land and through cross-ownership and so forth, 50 directors in England are able to control and manipulate the market. They can fix the price at which they want to sell. They have the plantations and they also have all the organisations. But what about our smallholders? We know that our smallholders production per acre is roughly half of the big estates. They have not benefited from all the wonderful discoveries which have been made by R.R.I. Have they? If they have, your own speech is an indictment against yourself because they have not; the Minister of Finance himself has stated that. The facts show that whereas the large estates, the big plantations, were able to produce about 1,000 pounds or more per acre, our smallholders were able to produce about 500 pounds or a little bit more. One of the reasons which the Minister of Finance said is due to uneconomic holdings, but I searched everywhere in all the five Bills, and I did not find one word of how they are going to solve this problem of uneconomic holdings. How are you going to do it? Is your Land Consolidation Authority going to consolidate these lands? It is not stated anywhere because if you read the report of the Land Consolidation Authority, the Land Consolidation Authority has no power and cannot do it; it can only tackle the failed fringe alienation schemes. It cannot tackle this. It has no power and means of tackling it and it cannot be done. Therefore, as long as the uneconomic holdings are there, how can our Minister of Primary Industries say the economics of size can be used to benefit our producers.

Now, although this Bill confines itself to licensing, it says the registration and licensing of all persons engaged in the business of packing rubber for export, or shipping, grading and so forth.

It says merely licensing, but who will be the person? They will be the same persons who have been there who will be running these things and who will be licensing. Do you expect that just because the Government is now taking greater initiative, greater interest, that they will respond to your exhortations? Would you think so, or do you think the Government itself should try and go into it? Going in, yes, but not, as the Member for

Larut Utara, perhaps from closer experience, said, by putting in little boys from our universities to run our organisations, but by putting in the right people with the knowledge, with the skill and experience to run these organisations. Would you do it? If not how are you going to help our smallholders to get good prices? How are you going to grade your rubber? You say grading and so forth, but how are you going to ensure that the smallholders rubber is of a better grade and better quality, unless you yourself go into the buying of the rubber direct from the time it comes out.

As the Honourable Member also said, it is wellknown that this is not the first experiment. There have been so many experiments at buying rubber and processing and certain factories were set up. There is a corporation, I understand, which will go into the purchasing of rubber. In this country, after so many years, it has only four factories. But I know of factories which had been set up by RIDA and so forth, which have completely failed. They were not successful. It is a fact. But have we found the causes of this failure? Why are our smallholders refusing to sell to such factories? It is a fact that they refuse to sell to them; they prefer to sell to others. Perhaps may be because the others have been able to give better credit facilities. Would the Government be able to provide the facilities which these so-called dealers and people who buy the rubber and re-process it and remill it, are able to give? Is not it a fact that the poor price for rubber is not only because of the low yield, it is also because the processing of it is so poor, you may get sand and what not, it is all poured into tins and a little acid added, not in the way it should be done. If you want good quality rubber it must be processed in bulk. So in other words, we must have the organisation to purchase that rubber from the smallholders and carried in bulk. It is being done. I know there are private agencies and organisations which purchase rubber to an extent of 30, 40 or 50 miles around an area, carry it in bulk and then process it. Therefore, they get much better prices, the processing charge plus all sorts of profits. Whereas our smallholders try to make sheet rubber and then mangle it themselves and then sell it. They cannot afford to wait for it to dry, because if they wait they will starve, they must sell today and get makan today and

therefore they must sell it even when it is wet. So when they sell it when it is wet, there is a deduction, just like FAMA when it buys padi, deduction for moisture content. Here the moisture content for rubber can be quite substantial because who is to decide? It is the dealer, Tuan Yang di-Pertua. It is the dealer; he says it is 40% water—40%—nobody can do anything. I know of so many persons who used to go round from one shop to another. Can you break that monopoly where there is a Rubber Dealers' Association? Is it a club house, Datuk Yang di-Pertua? This Rubber Dealers' Association is for what purpose? It is not a club house. It is an association to fix the price that can be paid to our smallholders. So whatever the quality of the rubber the smallholder produces, however hard he may work to produce the best quality rubber, yet he can go round to anybody, but the price may go even less and less because there will be telephone conversations to tell the other dealers. Now, this has happened; this is a fact. How are you going to get around it unless you go into the market yourself? Then it talks about the selling of rubber. Mr Speaker, Sir, this is a little information I gathered. On the selling of rubber and the price, the Government has said we have no control—we cannot control the international price of rubber. As I said earlier, certain groups, I was told in palm oil, four big companies fix the daily price. Here in rubber about 50 directors holding almost 1.6 million acres, nearly 67% of our rubber, fix the price. They have not only interest here but also in Nigeria and elsewhere—the same persons; maybe waiting for the day when they may have to run! I was told that there are other countries besides the European countries, besides Britain, which would buy, which do buy. But you know, Mr Speaker, Sir, the Government says that when they try to go into the market, the price does not go up. But when a Russian ship comes in to buy rubber, I think the price just goes up. Does it or not? When the Russians start buying or some others start buying, the price just goes up. How is it so? I was told that the Russians or the Socialist countries would not want to purchase rubber if this would have the effect of pushing up the price of rubber because of the question of who will benefit from it. Will we benefit; will our smallholders benefit? Yes, maybe. But who will benefit more? It is the big European concerns which will benefit

by their purchasing and therefore—this is my belief, I may be wrong in my assumption—if our Government were to buy our smallholders' rubber and do the marketing, perhaps if we sell the rubber, leaving aside, not making provision for all the rubber, but only for our smallholders' rubber, perhaps we may be able to get a better price if we sell people to people, to Governments like China or Russia but not through the British capitalists in England. But if it is to the benefit of our smallholders, I believe we might be able to sell; I may be wrong, but it is only an idea.

Mr Speaker, Sir, as I said earlier, this Bill, in fact all the five Bills have been hastily drawn up and that is one of the reasons why we find so many amendments. I would like to point out one thing here before I forget and that is the provision of Clause 11. Clause 11, Mr Speaker, Sir, provides, "For the proper and effective carrying out of the provisions of this Act, the Minister may make regulations for all or any of the following matter—the control and supervision of dealings in rubber including the sale, supply and export of rubber and so forth. I will come back to that. The thing is, what is most disturbing in this Bill is that Sub-clause (2) of Clause 11, says, "Any regulation made under sub-section (1)—that is the earlier one—may amend, modify, repeal or replace any provisions of the Rubber Enactments in force."

Mr Speaker, Sir, the Attorney-General is not here, but I am sure the Minister would be able to know that this is a strange provision, to my mind, because I do not think that our Constitution ever gives the power to any Minister to amend any law in this country. Yes, Ministers have powers to make regulations, but no regulations can amend a law and I believe that an Enactment is a law and if an Enactment is a law, how can this provision stand? It says here that the "Minister may make regulations" and these regulations may "amend, modify, repeal or replace any provisions of the Rubber Enactments in force." Now, if this provision is allowed to stand, it is my humble belief, even if my suggestion or my humble opinion is not accepted, if it is left like that, then it will be *ultra vires* the Constitution, because it will be like usurping the powers of this House. Only this House or Parliament, Tuan Yang di-

Pertua, has the power to make laws—no Minister has the power. So no Minister has the power to amend, vary or modify any of the laws. I think that is very important and I hope somebody will look this up and let us know.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Has the Honourable Member much more to say?

Tuan V. Veerappen: This is such an important matter which affects the whole country.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: No, I am just asking because time is up.

Tuan V. Veerappen: Yes, I would like to continue tomorrow, Sir.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Well, we will stretch that into tomorrow afternoon! (*Ketawa*)

PENANGGOHAN

(Usul)

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan supaya meshuarat ini di-tanggohkan sekarang.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCHAPAN² PENANGGOHAN

LATEHAN BAHASA MALAYSIA UNTOK JURURAWAT²

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya berchakap sa-patah dua tentang masaalah, kesulitan² terhadap pengajaran Bahasa Malaysia oleh jururawat² yang berkhidmat di-Kementerian Kesihatan di-tanah ayer kita.

Tuan Yang di-Pertua, jururawat² yang tidak mempunyai LCE atau mempunyai School Certificate tanpa kelulusan bahasa Malaysia, mereka perlu belajar bahasa Malaysia dan juga di-kehendaki lulus dalam peperiksaan bahasa Malaysia di-perengkat MCE. Bagitu juga, Tuan Yang di-Pertua, jururawat² yang sedang bekerja di-United Kingdom yang mana Menteri Kesihatan telah menyeru mereka balek ka-tanah ayer kita

dan berkhidmat di-Kementerian Kesihatan, mereka juga kebanyakan-nya tidak mempunyai MCE dan apabila mereka bekerja di-Kementerian Kesihatan, mereka juga perlu dan di-kehendaki lulus bahasa Malaysia.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, perlu mereka belajar dan menggunakan bahasa Malaysia dan jika mereka bekerja di-Kementerian Kesihatan, mereka di-kehendaki lulus dalam bahasa Malaysia sa-belum mereka di-sahkan dalam jawatan-nya. Dan begitu juga kalau mereka tidak lulus bahasa Malaysia, mereka tidak boleh mendapat kenaikan gaji, mendapat biasiswa yang ada di-Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian, jururawat² perlu belajar dan menggunakan bahasa Malaysia, tetapi apa-kah kemudahan² yang ada sekarang? Saya berani berchakap bahawa kemudahan² yang ada sekarang tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, sentiasa-nya guru yang mengajar jururawat² ia-lah sa-orang guru biasa di-sekolah rendah atau sekolah menengah dan beliau mengajar jururawat² sa-lepas kerja-nya di-sekolah masing². Dan apabila beliau sampai ka-tempat pengajaran, beliau sudah leteh atau lemah. Dan, Tuan Yang di-Pertua, bukan itu sahaja, barangkali beliau ia-lah sa-orang yang tidak begitu mahir untuk mengajar orang dewasa. Dan, Tuan Yang di-Pertua, apa yang di-kehendaki oleh jururawat² ia-lah guru² khas untuk mengajar orang dewasa dan jika guru² ini tidak boleh di-dapati oleh Kementerian Kesihatan, saya menhadangkan Menteri Kesihatan menchari antara jururawat² yang faham dan mahir dalam bahasa Malaysia dan suroh mereka mengajar jururawat².

Tuan yang di-Pertua, jururawat² bukan kaki-tangan biasa. Mereka ada yang bekerja pagi daripada pukul 7.00 sampai pukul 2.00 petang, atau ada yang bekerja petang daripada pukul 2.00 hingga pukul 9.00 malam dan ada yang bekerja malam daripada pukul 9.00 hingga pukul 7.00 pagi.

Dan oleh hal yang demikian, jika Kerajaan atau Kementerian Kesihatan mengadakan latihan atau pelajaran bahasa Malaysia pada sa-belah petang sahaja, maka itu tidak sesuai kepada kebanyakan jururawat². Oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menhadangkan Kementerian Kesihatan mengadakan latihan kepada jururawat²

bukan pada sa-belah petang sahaja, bahkan menchari guru² khas untuk mengajar jururawat² siang, pagi tengah hari dan petang untuk kesesuaian jururawat². Kalau Kerajaan atau Kementerian Kesihatan tidak buat demikian, maka chuma sedikit kumpulan jururawat² boleh di-dapati menggunakan latihan itu.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kementerian Kesihatan boleh menggunakan alat moden bukan sahaja menggunakan guru bahasa sahaja. Sekarang kami sedar ada tapis latihan bahasa Malaysia dan makmal² bahasa. Dan saya berharap di-tempat² yang besar sa-umpama Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh, Johor Bahru, Kerajaan atau Kementerian Kesihatan boleh mengadakan makmal bahasa untuk pengajaran bahasa Malaysia kepada jururawat².

Jika chadangan saya di-terima, Tuan Yang di-Pertua, saya yakin jururawat² sendiri boleh belajar bahasa Malaysia dengan bersungguh²-nya dan boleh lulus dalam peperiksaan bahasa Malaysia juga.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, jururawat² di-Hospital Universiti mengikuti kelas² bahasa Malaysia atas perbelanjaan mereka sendiri dengan bayaran sa-banyak \$15 tiap² satu jam. Dengan ada-nya kelas² ini pada sa-belah pagi dan petang semua jururawat² yang bertugas dapat menghadiri kelas ini sama ada di-sabelah pagi atau di-sabelah petang. Satu susulan yang sa-rupa juga akan di-buat oleh jururawat² Kerajaan, khas-nya daripada Kementerian saya dengan tiada mengenakan bayaran. Pada masa ini kita mengadakan kelas² bahasa Malaysia untuk jururawat² dengan perchuma dua kali seminggu di-Hospital Besar, Kuala Lumpur, tambahan lagi ada-lah menjadi tanggungjawab tiap² warganegara yang ta'at berusaha bersungguh² belajar bahasa Malaysia kita. Tuan Yang di-Pertua, guru bahasa Malaysia asas di-kehendaki guru bahasa Malaysia untuk mengajar di-kelas² bahasa Malaysia di-uruskan dengan Jabatan Pelajaran, tetapi ini ada-lah tanggungjawab kepada bilangan jururawat yang ada di-sasatu tempat. Alat moden yang di-kehendaki saperti tapis latihan bahasa Malaysia, masaalah ini memerlukan kajian yang lebeh rapi dan Kerajaan akan menimbangkan sa-kira-nya ada kawasan² yang memerlukan alat² moden ini.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari kawasan Batu untuk mengadakan satu chadangan itu supaya satu chadangan ini yang baik sa-kali untuk jururawat² kita pada masa yang akan datang. Kementerian saya akan mengkaji sa-daya upaya untuk melanjutkan apa² chadangan yang baik supaya bahasa Malaysia akan diajar kepada jururawat² yang belum fasah dalam bahasa Malaysia sekarang.

YAYASAN² TEKNIKAL DAN VOKESHENAL—MEMPER- BANYAKKAN

Tuan Peter Paul Dason (Pulau Pinang Utara): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, every year over 150,000 pupils are drop-outs from our schools and they are not qualified for any job. Mr Speaker, Sir, they may be academically not very bright, but I am sure that most of them have two hands and they have some aptitude of some sort and if there were institutions or trade schools to provide them with technical training, or to give them commercial training, they could be trained and they could become useful members of society. But as things are, they finish their education after standard five, go out of the schools, they become drop-outs and they become a liability to society instead of becoming an asset. If we could train them, they could become an asset. But the institutions to give them this type of training are just not there.

Mr Speaker, Sir, Government admits that the job opportunities in future would be mostly found in the modern industrial sector and the commercial sector. But is the Government providing the institutions whereby this type of training, the training required for the industrial and commercial sector, can be imparted to Malaysian youths? As we see it, there are not sufficient institutions to provide this training.

Mr Speaker, Sir, in 1970, there were 4,510 students who were enrolled in the upper secondary technical and vocational institutions and Government expects that by 1975 the enrolment would be 12,830 upper secondary students in the technical and vocational institutions. However, Mr Speaker, Sir, the number of pupils in upper secondary level is 84,000—over in 1970, and by 1975

Government expects that the enrolment figures would be 140,000. Now, the number that is being given technical and vocational training Mr Speaker, Sir, is 4,000 and the increase is about 8,000 to 12,000, but the number of pupils who are at the secondary level is 84,000 and will be increased by 1975 to 140,000. The increase is so great, but the number of places that would be available to give technical and vocational training at the upper secondary level would only be increased by 8,000, whereas the increase in the students at the upper secondary level would be over 55,000, and Government has admitted on a number of occasions that the jobs available are not in the white collar sector. The students who are coming out of the schools go for white collar jobs which are not there. They have to go there because they are not trained to go for blue collar jobs. Students in the upper secondary level would be increased to 140,000 by 1975. The Government is going to provide technical and vocational training for 12,000—something only. So, not only is the Government not solving the problems of those who are at present in the upper secondary levels but by 1975, when the number increases, Government still would not have solved the problems of those students who are in upper secondary at present, not to talk of the increased numbers. This, I believe, Mr Speaker, Sir, is a failure on the part of Government.

It is no use telling parents that they should send their children for vocational and technical training because that is where the jobs would be. Where are they to send their children to acquire this type of training? The institutions are just not there. The Government has got its priorities wrong. They should spend more money to build institutions and provide the equipment and the staff in the vocational and technical training institutions and the trade schools.

If this goes on, Mr Speaker, Sir, we will reach a stage where assuming that investors want to come in, they would find that there is a shortage of skilled manpower, not at the highest levels, engineers etc., but at the lower levels. There would be a shortage of these people and Government has on many occasions stated that it is the policy to attract investors. That being the case, Mr Speaker, Sir, one of the greatest attraction that Government can provide to foreign investors, or even for local investors, is to have the

skilled labour in the country. As things now stand, there is a shortage of skilled labour and the Government, I believe, rightly does ask the private sector to provide training for the staff. But that is not enough, Mr Speaker, Sir. Government must take greater interest and go about providing those institutions that can provide skilled manpower, provide our youths with the skills that can enable them to get and hold on to better jobs later on because as time goes on, the scope for white-collar jobs in this country as everybody knows will be less. I hope the Government is also serious in wanting to industrialise the country: they must ensure that the youths be given this training so that they can play a part in industrialising this country. If given the necessary equipment, they can then play a part in the progress and development of this nation.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, ada-lah menjadi dasar Kerajaan untuk mengadakan satu sistem pelajaran yang saimbang antara pelajaran akademik biasa dan pelajaran teknik dan vokeshenal, bagi memenuhi keperluan² tenaga yang terlatih yang sentiasa bertambah. Dalam usaha Kerajaan ini satu sistem pelajaran anika-jurusan telah di-mulakan dalam tahun 1965 di-perengkat sekolah menengah rendah untuk menentukan murid² dari semua sekolah menengah rendah mengambil sa-kurang²-nya satu mata pelajaran vokeshenal sa-lain daripada mata pelajaran am. Mata-pelajaran² pilihan praktik ini bertujuan membiasakan murid² di-dalam satu lapangan, sama ada lapangan seni perusahaan, pengajian perdagangan, sains pertanian atau sains rumah tangga.

Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil berat tentang perkembangan pelajaran vokeshenal di-perengkat menengah sa-bagaimana di-buktikan dari butiran² berikut:

<i>Tahun</i>		<i>Bilangan SMV*</i>		<i>Jumlah Murid</i>
1969	...	14	...	2,725
1970	...	16	...	3,412
1971	...	16	...	3,949
1972	...	17	...	4,959

* Termasuk beberapa kelas sains rumahtangga yang menumpang di-sekolah menengah.

Di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama, enam buah sekolah menengah vokeshenal ia-itu di-Kuala Lumpur. Se-

remban, Muar, Alor Star, Kuala Trengganu dan Kangar dan lima buah sekolah menengah teknik ia-itu di-Ipoh, Alor Star, Seremban, Melaka dan Johor Bahru telah di-luluskan dari pinjaman Bank Dunia. Di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Kedua pula, empat buah sekolah menengah vokeshenal ia-itu di-Taiping, Kelang, Keluang dan Temerloh dan sa-buah sekolah menengah teknik di-Kuala Trengganu telah pun di-luluskan dari pinjaman Bank Dunia.

Apabila sekolah² ini siap di-bena, di-jangka pada akhir Ranchangan Malaysia Yang Kedua sa-ramai 14,000 orang pelajar² akan belajar di-sekolah² menengah vokeshenal dan 11,000 di-sekolah² menengah teknik. Jadi jumlah semua-nya ia-lah 25,000 berbanding dengan angka yang di-sebutkan oleh pembawa usul tadi sa-banyak 12,000. Sambil itu usaha² telah pun di-buat untuk memperbaiki lagi bidang pelajaran vokeshenal dan teknik bagi membolehkan pelajar² yang lulus daripada sekolah² ini dapat memperolehi pekerjaan dengan lebih mudah lagi.

Pada perengkat sa-lepas sekolah menengah pula, kemudahan pelajaran teknik di-adakan di-Politeknik Ungku Omar, Ipoh dan di-Institut Teknologi Kebangsaan, (dahulu-nya Maktab Teknik) Kuala Lumpur yang melateh, antara lain, bakal juru² teknik gred biasa dan gred tertinggi.

Sa-lain daripada Politeknik Ungku Omar di-Ipoh ini, Kementerian Pelajaran sedang merancang untuk membena sa-buah lagi Politeknik di-Kuala Lumpur pada masa yang akan datang. Sambil itu beberapa Kementerian lain termasuk Kementerian Buroh, Kementerian Pertanian dan Perikanan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mempunyai beberapa ranchangan latehan vokeshenal mereka sendiri.

Kementerian Pelajaran memang memandangkan berat terhadap pelajaran vokeshenal dan teknikal ini. Sa-kira-nya kemudahan² yang telah di-sediakan itu tidak menchukopi, maka peruntukkan yang baru akan di-buat dari sa-masa ka-samasa untuk menyediakan kemudahan² yang baharu sesuai dengan keperluan² yang bertambah pada masa² yang akan datang.

Dengan kenyataan² di-atas nyata-lah bahawa sistem pelajaran negara kita bukan semata² menyediakan pekerja² 'white collar' sa-bagaimana yang telah di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat itu. Perkembangan perusahaan dalam negara kita ini ada-lah semakin ranchak dan peluang² pekerjaan bagi anak² kita di-dalam sektor² swasta sudah tentu akan bertambah, lebeh² lagi apabila di-ingatkan bahawa pihak swasta akan memainkan peranan yang lebeh besar untuk menjayakan Ranchangan Malaysia Yang Kedua.

Kerajaan juga telah pun menubuhkan Lembaga Penasehat Kebangsaan untuk Latehan Perusahaan (NACIT) yang mempunyai ahli daripada sektor Kerajaan dan

swasta. Oleh sebab satu daripada tujuan Lembaga ini ada-lah untuk menentukan bahawa latehan yang di-beri kepada belia² kita sesuai untuk keperluan bidang swasta, maka bererti-lah bahawa Kerajaan telah pun mengambil langkah² yang positif untuk menentukan bahawa latehan yang di-beri kepada anak² kita ada-lah sesuai untuk kemajuan negara ini, terutama dari segi pembanguna perindustrian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ini di-tanggohkan sekarang sa-hingga pukul 2.30 petang esok, 16hb Ogos, 1972.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 7.28 malam.